Terma-terma dan Syarat-syarat

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEMEGANG KAD

Sebagai balasan terhadap persetujuan CIMB BANK BERHAD [13491-P] yang mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 5, Bangunan CIMB, Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur dan mempunyai pejabat perniagaannya di Level 2, Menara SBB, 83 Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang ditawar oleh MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB (selepas dirujuk sebagai "Kad") kepada individu yang dinyatakan namanya di atas Kad (selepas dirujuk sebagai "Pemegang Kad"), maka Pemegang Kad berwaad, mengaku janji dan bersetuju kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut:-

Definasi

1. Dalam Perjanjian ini di mana konteks menerimanya ungkapan berikut mempunyai makna-makna yang terkandung yang ditentukan melainkan dinyatakan sebaliknya:-

   (a) Ungkapan "Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad" bermakna pembankan lain atau akaun-akaun lain kepunyaan Pemegang Kad dengan Bank termasuk akaun Pemegang Kad bersama dengan pihak ketiga selain daripada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB;

   (b) Ungkapan "Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB" bermakna akaun "MasterCard" dan/atau "Kad Visa" dan/atau "Kad JCB" kepunyaan Pemegang Kad dalam konteks yang diperuntukkan, di mana semua bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad dan semua yuran tahunan, cukai kerajaan, caj pengendalian, caj kewangan dan/atau caj bayaran lewat didebitkan;

   (c) Ungkapan "ATM" bermakna sebuah mesin teler automatik;

   (d) Ungkapan "Baki Baru" bermakna amaun penuh yang ditunjukkan sebagai perlu dibayar dalam Penyata;

   (e) Ungkapan "Bank" bermakna CIMB BANK BERHAD [13491-P] yang mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 5, Bangunan CIMB, Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur dan mempunyai pejabat perniagaannya di Level 2, Menara SBB, 83 Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, P.O. Box 11751, 50756 Kuala Lumpur dan termasuk kesemua pengganti hakmilik dan penetapan;

   (f) Ungkapan "Bayaran Kad Pengganti" bermakna bayaran yang harus dibayar oleh Pemegang Kad untuk penggantian suatu Kad;

   (g) Ungkapan "caj bayaran lewat" bermakna caj bayaran lewat yang dirujuk dalam Klausa 14 di sini;

   (h) Ungkapan "caj kewangan" dan "bayaran minima perlu dibayar" bermakna caj kewangan dan bayaran minima perlu dibayar yang dirujuk dalam Klausa 13 di bawah;

   (i) Ungkapan "hari bekerja" bermakna suatu hari perniagaan (tidak termasuk Sabtu atau Ahad) di mana bank-bank diberikan lessen untuk mengendalikan perniagaan pembankan di bawah peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;

   (j) Ungkapan "JCB" bermakna Japan Credit Bureau, suatu syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Jepun dan mempunyai pejabat utamanya di 5-1-22, Minami Aoyama, Minato-ku, Tokyo, 107-8686, Jepun di mana Bank adalah ahli institusi;

   (k) Ungkapan "Kad" bermakna mana-mana MasterCard (dan termasuk MasterCard yang mengandungi ciri-ciri 'PayPass' yang membenarkan transaksi secara individu tidak melebihi RM150.00 atau sebarang jumlah yang dispesifikasikan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan notis terlebih dahulu yang mencukupi dikuatkuasakan dengan hanya menyentuh atau menunjukkan kad tersebut di terminal/pembaca tanpa sentuhan ('contactless reader' 'PayPass') atau Kad Visa atau Kad JCB yang diterbitkan oleh Bank di bawah sesuatu kategori atau jenama yang boleh diperkenalkan atau digantikan dari masa ke semasa dan akan termasuk Kad Kredit yang diterbitkan secara gabungan atau sekutuan dengan mana-mana pihak ketiga dan juga termasuk Kad Tambahan dimana konteks membenarkan;

   (l) Ungkapan "matawang bil" bermakna matawang bil dalam Ringgit Malaysia dan termasuk persingkatan "RM";

   (m) Ungkapan "MCI" bermakna MasterCard Worldwide, sebuah syarikat yang diperbadankan di Negeri Delaware yang mempunyai pejabat dan tempat perniagaan utama di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, Amerika Syarikat di mana Bank adalah ahli institusi;

   (n) Ungkapan "Nombor MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB" bermakna nombor akaun yang diperuntukkan kepada Akaun "MasterCard" dan/atau "Kad Visa" dan/atau "Kad JCB" dan ditera di atas MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB seperti yang dikehendaki dalam konteks yang diperuntukkan;

   (o) Ungkapan "notis terlebih dahulu yang mencukupi" bermakna tempoh notis tiga (3) hari bekerja akan dianggap sebagai notis yang mencukupi kepada Pemegang Kad;

   (p) Ungkapan "PIN" bermakna nombor pengenalan peribadi kepunyaan Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan;

   (q) Ungkapan "Pemegang Kad" bermakna individu yang dinamakan di atas Kad dan juga termasuk Pemegang Kad Tambahan dan termasuk waris, wakil peribadi dan pewaris hakmilik;

   (r) Ungkapan "pengendalian caj" dan "caj tambahan" bermakna caj pengendalian dan caj tambahan yang dirujuk dalam Klausa 8 di sini;

   (s) Ungkapan "Peniaga" mesti termasuk semua peniaga yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan;

   (t) Ungkapan "Penyata" bermakna Penyata MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau JCB Kad berkala yang diterbitkan oleh Bank kepada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan yang menunjukkan antara lain jumlah yang dikenakan, tarikh matang tempoh pembayaran dan kaedah pengiraan caj kewangan;

(u) Ungkapan "Perjanjian ini" bermakna perjanjian di antara Pemegang Kad dan Bank di mana Pemegang Kad diberi suatu MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB oleh Bank tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat terkandung di sini termasuk terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam borang permohonan pihak Bank yang ditandatangani dan diserahkan oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank semasa memohon untuk terbitan suatu MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang ditambahkan atau diubahsuaikan dari semasa ke semasa;

(v) Ungkapan "VISA" bermakna VISA Worldwide Pte. Limited dengan pejabat di 30 Raffles Place, #10-00, Chevron House, Singapore 048622.

Pengeluaran Kad dan Kemudahan yang Sedia Ada

2. Kad adalah dikeluarkan untuk kegunaan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Bank dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya termasuk tetapi tidak dihadkan kepada yang berikut:-

(a) bayaran untuk mana-mana pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, di mana pembayaran dicajkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB; dan/atau

(b) pendahuluan tunai seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 12 di sini; dan/atau

(c) operasi pelbagai akaun bank yang dibuka untuk Pemegang Kad selaras dengan penggunaan Kad; dan/atau

(d) perkhidmatan pembayaran auto ("Autopay Service") di mana semua jumlah yang perlu dibayar dan mesti dibayar bagi bil rasmi berkala Pemegang Kad daripada peniaga(-peniaga) yang dinyatakan di dalam borang permohonan bagi Autopay Service adalah dibayar oleh pihak Bank dan akan di debitkan dari Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB Pemegang Kad, seperti yang diarahkan oleh Pemegang Kad di dalam borang permohonan bagi Perkhidmatan Autopay Service; dan/atau

(e) kemudahan-kemudahan yang lain, tertakluk kepada persetujuan bertulis terlebih dahulu dengan pihak Bank.

Transaksi Internet untuk MasterCard® SecureCode™ dan Verified by Visa Services

2A. Sekiranya seseorang Pemegang Kad ingin menggunakan Kad untuk membuat bayaran berkenaan Transaksi Internet, di mana adalah tertakluk kepada MasterCard® SecureCode™ dan Verified By Visa service, ("Perkhidmatan") yang mana terpakai, Pemegang Kad akan dianggap sebagai telah bersetuju untuk terikat pada terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Perkhidmatan tersebut seperti yang dinyatakan di dalam **www.cimbbank.com.my/secure_epay** (atau pada laman web lain yang pihak Bank akan memaklumkan dari masa ke semasa) yang mana terma-terma dan syarat-syaratnya mungkin dipinda dari masa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya yang mutlak dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Bagi penggunaan Kad pada transaksi pembayaran internet yang lain, pihak Bank boleh meluluskan atau menolak yang sama pada budi bicara tunggal dan mutlaknya dan sekiranya pihak Bank membenarkan Kad digunakan pada transaksi pembayaran internet yang lain, pihak Bank boleh membenarkan penggunaanya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

MasterCard dengan ciri "PayPass"

2B. (a) Bila sebarang MasterCard dikeluarkan oleh pihak Bank mempunyai ciri PayPass, ("Kad PayPass"), Pemegang Kad mengakui bahawa Kad Paypass tersebut boleh digunakan untuk pembayaran bagi pembelian barangan dan perkhidmatan untuk jumlah tidak melebihi RM150.00, setiap transaksi, atau sebarang jumlah yang mungkin dispesifikasikan oleh pihak Bank dari masa ke semasa apabila memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi dengan hanya menyentuh atau menunjukkan Kad PayPass tersebut di terminal/pembaca tanpa sentuhan PayPass ("contactless reader") ("Transaksi Tanpa Sentuhan").

(b) Transaksi Tanpa Sentuhan boleh diproses dan akaun Pemegang MasterCard tersebut akan didebitkan dengan jumlah Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa memerlukan:-

- Kad PayPass dilalukan kepada pembaca jalur magnetik;
- Cip Kad PayPass dibaca oleh terminal cip; atau
- Tandatangan Pemegang Kad untuk memberi kuasa untuk membuat transaksi.

Dengan menerima dan menggunakan Kad PayPass di dalam apa jua cara (termasuk menggunakannya cara konvensional dengan melalukannya kepada pembaca jalur magnetik yang sama atau pada pembaca cip atau dalam cara lain) maka Pemegang Kad mengaku janji akan menggunakan Kad PayPass menurut dan bersetuju untuk diikat kepada terma-terma dan syarat-syarat terkandung di dalam ini.

(c) Tanpa prejudis kepada yang dinyatakan sebelum ini, Pemegang Kad mengaku janji bersedia untuk bertanggungjawab bagi semua Transaksi Tanpa Sentuhan yang dibuat menggunakan Kad PayPass dan dihantar kepada akaun MasterCard Pemegang Kad, tidak kira samada Transaksi Tanpa Sentuhan tersebut telah dibuat secara sah dengan kuasa oleh Pemegang Kad. Dalam hal ini, Pemegang Kad mengakui bahawa cara Transaksi Tanpa Sentuhan dilakukan, dan Pemegang Kad menerima sebarang risiko yang sedemikian.

Servis Pembayaran Auto

2C. (a) Selepas pihak Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad untuk Servis Pembayaran Auto, semua jumlah yang perlu dan akan dibayar kepada peniaga (-peniaga) akan dibayar dengan segera oleh pihak Bank sebaik sahaja menerima bil-bil daripada para peniaga atau sebarang permintaan lain untuk pembayaran. Arahan terdahulu oleh Pemegang Kad jika ada, kepada:-

(i) bank lain dan/atau institusi kewangan lain untuk membayar peniaga-peniaga; dan/atau

(ii) para peniaga (-peniaga), mencajkan jumlah yang perlu dibayar dan akan dibayar ke akaun Pemegang Kad yang diselenggarakan dengan bank dan/atau institusi kewangan lain,

akan setelah pihak Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad bagi Servis Pembayaran Auto, dianggap terbatal, dan Pemegang Kad tersebut akan memaklumkan kepada peniaga (-peniaga), Bank lain atau institusi kewangan yang lain dengan segera akan perubahan cara pembayaran Pemegang Kad tersebut.

(b) Pihak Bank dalam menawarkan Servis Pembayaran Auto tidak akan bertanggungjawab untuk :

(i) membuat pembayaran untuk sebarang caj kepada peniaga (-peniaga) mengikut waktu dan berkaitan hal ini, Pemegang Kad tidak akan menjadikan pihak Bank bertanggunjawab bagi apa-apa kesilapan, kecuaian, keengganan dan peninggalan untuk membayar atau kelewatan untuk membayar kesemua atau sebarang caj-caj kepada peniaga (-peniaga);

(ii) membuat pembayaran sebarang caj-caj kepada peniaga (-peniaga) dengan suci hati dan dalam hal ini Pemegang Kad tidak akan menjadikan pihak Bank bertanggunjawab untuk sebarang bayaran caj-caj yang dibuat kepada peniaga (-peniaga) dengan suci hati;

(iii) membayar kesemua atau apa-apa caj kepada peniaga (-peniaga) dimana tiada had kredit dalam akaun Pemegang Kad atau dimana ada had kredit tetapi tidak mencukupi di dalam akaun Pemegang Kad, atau di mana penggunaan Kad oleh Pemegang Kad akan ditamatkan atau digantung untuk apa jua sebab, atau dimana Kad Kredit itu tidak diperbaharui atau diganti, seperti mana yang mungkin atau dimana pihak Bank atas budi bicara mutlaknya menentukan secara muktamad bahawa situasi membenarkan pembayaran tidak dapat dibuat atas sebarang sebab; dan/atau

(iv) membayar sebarang caj-caj kepada peniaga (-peniaga) jika Pemegang Kad pada bila-bila masa mengarahkan pihak Bank untuk menghentikan atau menamatkan sebarang pembayaran atau pemotongan atau pembatalan Servis Pembayaran Auto.

Pemegang Kad akan pada setiap masa tetap bertanggungan dan bertanggunjawab untuk membayar kesemua caj-caj yang tertunggak dan dihutang kepada peniaga (-peniaga) secara terus dan pihak Bank tidak akan pada bila-bila masa dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pemegang Kad tentang ketidak-pembayaran oleh Bank bagi semua atau sebarang caj-caj tersebut. Di dalam keadaan dimana ketidak-pembayaran oleh pihak Bank keatas apa-apa caj terhutang dan harus dibayar kepada peniaga (-peniaga), Pemegang Kad akan menyelesaikan pembayaran yang belum dijelaskan dengan peniaga (-peniaga) secara terus. Sekiranya nombor Kad Kredit Pemegang Kad berubah, Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk memaklumkan tentang perubahan tersebut kepada peniaga (-peniaga). Pihak Bank bagaimanapun boleh (tetapi tidak dikehendaki) atas budi bicara mutlaknya untuk menerima sebarang permintaan untuk pembayaran yang di bilkan kepada nombor Kad Kredit Pemegang Kad yang lama dan membuat pembayaran dari situ.

(c) Dimana terdapat had kredit tetapi tidak mencukupi di dalam akaun Pemegang Kad untuk membayar caj-caj kepada kesemua peniaga, pihak Bank boleh:-

(i) memilih untuk tidak membuat sebarang pembayaran untuk apa-apa caj kepada kesemua dan atau mana-mana peniaga (-peniaga), dimana Pemegang Kad akan menyelesaikan kesemua pembayaran yang masih tertunggak dengan peniaga (-peniaga) secara terus; atau

(ii) mengikut kesemua budi bicara mutlaknya menentukan secara konklusif susunan mengikut keutamaan pembayaran caj-caj mana-mana peniaga (-peniaga) yang dianggap sesuai oleh Bank dimana Pemegang Kad akan menyelesaikan pembayaran caj-caj yang masih tertunggak dengan peniaga (-peniaga) yang berkenaan secara terus.

(d) Pemegang Kad akan menanggung rugi pihak Bank terhadap apa-apa kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau permintaan (termasuk perbelanjaan perundangan atas dasar peguamcara dan anak guam dan gantirugi penuh) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat peruntukkan Servis Pembayaran Auto kepada Pemegang Kad.

(e) Tanggungjawab Bank untuk melaksanakan pembayaran kepada peniaga (-peniaga) seperti yang diarahkan oleh Pemegang Kad akan terhenti serta-merta selepas:-

(i) penamatan Servis Pembayaran Auto samada oleh pihak Bank atau Pemegang Kad dengan memberikan notis secara bertulis kepada pihak lain, tidak kurang daripada satu (1) bulan, dimana selepas luput tempoh satu (1) bulan daripada tarikh penamatan notis tersebut Servis Pembayaran Auto akan ditamatkan; atau

(ii) penamatan Perjanjian Pemegang Kad.

Tanpa mengambilkira perkara di atas, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada peniaga yang berkenaan bahawa Servis Pembayaran Auto telahpun ditamatkan dan meminta agar peniaga tersebut untuk memberhentikan penghantaran bil kepada pihak Bank. Sehingga suatu masa peniaga tersebut memaklumkan kepada pihak Bank bahawa Servis Pembayaran Auto telah ditamatkan, pihak Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk membuat pembayaran kepada peniaga yang berkenaan tanpa mengambil kira bahawa Perjanjian Pemegang Kad telah ditamatkan, Kad Kredit dibatalkan dan/atau Pemegang Kad telah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis bahawa Servis Pembayaran Auto telah ditamatkan dan Pemegang Kad akan terus bertanggungan bagi pembayaran yang dibuat oleh pihak Bank kepada peniaga.

(f) Tanpa mengambil kira apa yang terkandung di dalam ini, pihak Bank berhak untuk memberhentikan, menggantung, atau menamatkan Servis Pembayaran Auto pada bila-bila masa dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis terlebih dahulu yang mencukupi tanpa menjejaskan pembayaran caj-caj kepada peniaga (-peniaga). Pada setiap masa Pemegang Kad akan terus bertanggunjawab untuk membayar kesemua caj-caj terhutang dan perlu dibayar kepada peniaga (-peniaga) secara terus dan sekiranya pihak Bank melaksanakan haknya, pihak Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan menyelesaikan kesemua pembayaran kepada peniaga (-peniaga) secara terus.

Kad Debit MasterCard Elektronik

2D. Berkenaan penggunaan kad debit MasterCard Elektronik ("Kad Debit") ia akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sama bagi penggunaan Kad seperti mana yang terkandung 'mutatis mutandis' (iaitu dengan perubahan-perubahan yang sesuai) berkaitan segala hal melainkan:-

(a) Pihak Bank diberi kuasa untuk membuka akaun ("akaun Kad Debit") untuk Pemegang Kad bagi tujuan penggunaan Kad Debit. Pihak Bank boleh dari masa ke semasa menentukan deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun Kad Debit.

(b) Pemegang Kad mengekalkan baki bulanan minimum ("Baki Minimum") berkenaan akaun Kad Debit bagi, jumlah yang ditetapkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa apabila notis terlebih dahulu yang mencukupi diberikan dan dalam apa-apa keadaan, memastikan dana yang mencukupi dikekalkan di dalam akaun Kad Debit bagi memenuhi transaksi pembelian seperti yang dinyatakan di sub-klausa (c) di bawah. Pihak Bank, mempunyai hak untuk menutup akaun Kad Debit jika baki di dalam akaun Kad Debit berada di bawah Baki Minimum atau Pemegang Kad gagal untuk mengekalkan, atau mengawal akaun Kad Debit kepada kepuasan pihak Bank.

(c) Pemegang Kad diberi kuasa untuk menggunakan Kad Debit untuk membayar pembelian-pembelian daripada peniaga-peniaga, pemborong-pemborong atau pembekal-pembekal perkhidmatan lain yang telah bersetuju untuk menerima Kad Debit di terminal-terminal 'Point of Sales' ("POS") di dalam rangkaian yang dikenal pasti pada Kad Debit dan di terminal-terminal lain seperti yang akan dilantik oleh pihak Bank dari masa ke semasa.

(d) Pemegang Kad tidak akan menggunakan atau pun cuba untuk menggunakan Kad Debit bagi apa-apa transaksi yang tidak diberi kuasa oleh pihak Bank. Dimana pihak Bank terlebih dahulu telah memberikan kuasa kepada Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Debit dalam sebarang transaksi yang dibenarkan, Pemegang Kad tidak akan menggunakan atau pun cuba untuk menggunakan Kad Debit untuk menjalankan transaksi tersebut kecuali terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun Kad Debit untuk menjalankan transaksi tersebut.

(e) Dalam apa jua keadaan, Pemegang Kad akan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi semua transaksi yang diproses melalui penggunaan Kad Debit, samada atau tidak diproses dengan pengetahuan, persetujuan atau kuasa oleh Pemegang Kad, dan termasuk tanpa had dimana Pemegang Kad membuat apa-apa kesilapan kemasukan di terminal-terminal POS. Pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun Kad Debit dengan jumlah apa-apa transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit di terminal-terminal POS dan lain-lain transaksi yang diberi kuasa oleh pihak Bank dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab keatas keseluruhan jumlah yang didebitkan daripada akaun kad debit termasuk jumlah terhutang pada akaun tersebut.

(f) Tanpa mengambilkira sub-klausa (e) di atas, pihak Bank boleh di atas budi bicara mutlaknya, memutuskan bahawa liabiliti Pemegang Kad bagi penggunaan Kad Debit yang tidak diberi kuasa atas sebab kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan Kad Debit tidak akan melebihi RM250.00 jika Pemegang Kad tersebut:-

(i) memaklumkan pihak Bank mengenai kehilangan, kecurian, atau penyalahgunaan Kad Debit dengan serta-merta dan dalam apa-apa keadaan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam setelah mengetahui bahawa Kad Debit tersebut telah hilang, dicuri atau disalahgunakan

(ii) tidak melaporkan dua atau lebih kejadian yang tersebut kepada pihak Bank dalam tempoh dua belas (12) bulan dan akaun Kad Debit masih dalam keadaan yang baik; dan

(iii) membuktikan sehingga pihak Bank berpuas hati bahawa Pemegang Kad telah menjaga Kad Debit dengan ikhlas dan sikap berhati-hati serta ketelitian yang sewajarnya dan tidak terlibat dengan atau menyerahkan Kad Debit kepada pihak ketiga.

(g) Semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit dan kesemua yuran dan caj berkenaan akan didebitkan ke dalam akaun Kad Debit dan penyata yang berasingan akan diposkan melalui perkhidmatan pos biasa kepada Pemegang Kad sekali sebulan atau pada masa tertentu yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.

Tandatangan Di atas Kad dan Pematuhan Undang-Undang

3. (a) Selepas menerima Kad, Pemegang Kad mesti menandatangani Kad tersebut dengan SEGERA (dengan menggunakan tandatangan yang sama yang tertera di atas borang permohonan Kad) dan sebarang slip pengakuan penerimaan yang diperlukan oleh pihak Bank dan mengembalikan slip pengakuan penerimaan dengan serta-merta kepada pihak Bank. Tandatangan Pemegang Kad di atas Kad atau di atas mana-mana deraf jualan, rekod urusniaga, baucer kredit, deraf pembayaran tunai dan/atau rekod caj yang lain dan/atau penggunaan Kad dan/atau pengembalian slip pengakuan penerimaan akan membentuk keterangan yang mengikat dan muktamad bahawa Pemegang Kad telah memasuki Perjanjian ini dengan pihak Bank.

(b) Kad tidak boleh dipindah milik dan mesti digunakan secara eksklusif oleh Pemegang Kad. Kad tidak boleh disandar oleh Pemegang Kad sebagai sandaran untuk apa-apa jua tujuan sekalipun.

(c) Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad melalui notis bertulis kepada pihak Bank dan mengembalikan Kad yang dikerat dua dibahagian jalur tengah magnetik dan melalui cip (jika Kad mempunyai mikrocip) kepada pihak Bank. Pemegang Kad akan dan terus bertanggungan untuk semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad sebelum pihak Bank menerima notis bertulis berkenaan penamatan dan Kad yang dikerat dua.

(d) Penggunaan Kad adalah tertakluk kepada syarat-syarat, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Bank yang terpakai dan semua terma, syarat dan peraturan lain yang mengikat Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad termasuk apa-apa peraturan-peraturan kawalan pertukaran Bank Negara Malaysia. Pemegang Kad akan pada setiap masa mematuhi peraturan dan undang-undang yang terpakai berkenaan penggunaan Kad dan tanpa prejudis kepada yang dinyatakan terdahulu, Pemegang Kad akan memastikan bahawa ia mematuhi segala peraturan-peraturan kawalan pertukaran Bank Negara Malaysia dan tidak menggunakan Kad tersebut untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perjudian tidak sah secara "on-line" (seperti yang biasa dimaksudkan).

Arahan Telekomunikasi

3A. (a) Pihak Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) menurut budi bicara mutlaknya menerima arahan daripada Pemegang Kad melalui telefon berhubungan dengan Kad, termasuk dan tidak terhad kepada permintaan untuk melaksanakan yang berikut:-

(i) penukaran alamat surat-menyurat; atau

(ii) pengaktifan PIN; atau

(iii) laporan kehilangan Kad; atau

(iv) penggantian Kad yang hilang atau rosak; atau

(v) penukaran dalam had kredit; atau

(vi) urusniaga-urusniaga lain yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.

(b) Sebelum menerima arahan-arahan sebegitu melalui telefon, wakil Bank akan mengesahkan identiti Pemegang Kad melalui suatu proses keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Bank yang mungkin akan merangkumi butir-butir diri Pemegang Kad.

(c) Tanpa mengambilkira perenggan-perenggan (a) dan (b), pihak Bank boleh meminta Pemegang Kad untuk menghantar pengesahan bertulis sebelum melaksanakan arahan Pemegang Kad.

(d) Pihak Bank tidak akan bertanggungan atau bertanggungjawab kepada Pemegang Kad untuk apa-apa jua kehilangan atau kerosakan yang disebabkan atau dialami oleh Pemegang Kad dalam mengikut atau tidak mengikut apa-apa atau kesemua arahan-arahan yang di nyatakan di Klausa 3A(a).

(e) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa:-

(i) Pihak Bank boleh merekodkan semua perbualan telefon di antara Pemegang Kad dan wakil pihak Bank;

(ii) disebabkan sifat semulajadi perbualan-perbualan telefon, Bank tidak bertanggungjawab jika pihak ketiga tanpa diberi kuasa terdengar perbualan di atas.

(f) Pemegang Kad selanjutnya memberikan kebenaran kepada Bank untuk bertindak di atas arahan yang diberikan melalui faksimili atau cara telekomunikasi lain, dan sebarang permintaan yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada peniaga atau pembekal perkhidmatan untuk bekalan barangan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan untuk dicajkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB akan dijadikan kebenaran bagi Bank untuk mendebitkan Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB dengan amaun seumpama yang dicajkan. Dengan ini, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi jaminan ganti-rugi kepada Bank untuk segala tindakan, tuntutan, kerugian, liabiliti atau kerosakan yang ditanggung oleh Bank dalam persetujuan untuk bertindak di atas arahan lisan, faks atau arahan telekomunikasi Pemegang Kad.

3B. (a) Pihak Bank adalah diberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan kepada Pemegang Kad melalui mel elektronik, atau melalui telefon atau melalui sistem pesanan ringkas ("SMS"), di mana teks atau mesej elektronik atau maklumat yang dihantar ke alamat e-mel Pemegang Kad atau ke nombor telefon bimbit dalam rekod pihak Bank atau alamat e-mel yang lain atau nombor yang dianggap sesuai pihak Bank. Maklumat yang dihantar melalui mel elektronik, atau melalui SMS mungkin mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dan mungkin mengandungi (tetapi tidak terhad kepada) peringatan-peringatan berkenaan dengan pembayaran minimum yang terhutang, tarikh pembayaran perlu dibayar dan kemaskini mengenai faedah, program dan promosi dan lain-lain maklumat umum dan/atau khusus kepada Pemegang Kad.

(b) Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat-maklumat yang diterimanya.

(c) Pihak Bank di sini menolak sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad bagi apa-apa kerugian atau kerosakkan (secara langsung, tidak langsung, khusus atau bersebab) kehilangan perniagaan atau keuntungan atau apa-apa kehilangan atau kerosakkan dalam apa jua keadaan yang dialami oleh Pemegang Kad yang timbul daripada atau akibat daripada :-

(i) kepincangan tugas atau kerosakkan di dalam penyaluran maklumat atas apa jua alasan;

(ii) ketidaktepatan, ketidaklengkapan, kelewatan atau ketidakhantaran sebarang maklumat yang disalurkan atau penyaluran secara salah bagi apa-apa maklumat kepada pihak ketiga;

(iii) akses, penggunaan atau pentafsiran maklumat yang di salurkan secara salah, tidak diberikuasa atau tidak sesuai; atau

(iv) tuntutan berkaitan fitnah lisan dan bertulis yang timbul akibat dari penyaluran sebarang maklumat.

Penamatan dan/atau Penggantungan Kad

4. (a) Kad adalah dan akan sentiasa, pada setiap semasa, menjadi milik pihak Bank dan mesti diserahkan kepada pihak Bank serta-merta apabila diminta oleh Bank atau ejen yang diberi kuasa. Pihak Bank menyimpan hak untuk menarik-balik atau menggantung atau menamatkan menurut budi bicara mutlaknya, Kad dan/atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarnya pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu yang mencukupi menurut budi bicara mutlaknya tanpa mengambilkira samada atau tidak berlakunya kemungkiran. Ia dipersetujui selanjutnya bahawa pihak Bank tidak mempunyai apa-apa jua obligasi untuk memberikan alasan bagi penamatan atau penggantungan penggunaan Kad.

(b) Tambahan kepada hak-hak Bank seperti yang terkandung dalam Klausa 4(a) di atas dan Klausa 31, pihak Bank boleh menarik-balik menggantung dan/atau menamatkan Kad dan/atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan dengan serta-merta walaupun pihak Bank mungkin boleh mengenepikan hak-haknya dalam beberapa kejadian sebelumnya setelah berlakunya mana-mana satu atau lebih perkara-perkara berikut:-

(i) jika Pemegang Kad gagal atau mungkir dalam jumlah wang yang walau macam mana pun perlu dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran minima perlu dibayar, jumlah yang lebih bagi had kredit yang diberikan (rujuk Klausa 13)

sekiranya dituntut, caj kewangan dan caj bayaran lewat dan lain-lain bayaran, wang-wang dan caj-caj, apabila terhutang dan perlu dibayar oleh kerana dan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini samada dituntut secara rasmi atau tidak;

(ii) jika Pemegang Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan kemungkiran atau melanggar mana-mana perjanjian, waad, ketetapan, terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di sini yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pemegang Kad;

(iii) jika petisyen kebankrapan dikemukakan atau suatu perintah dibuat untuk perintah penghukuman dan/atau perintah penerimaan terhadap Pemegang Kad;

(iv) jika distres atau pelaksanaan atau proses mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten yang lain adalah dilaksanakan atau dilaksanakan terhadap mana-mana hartabenda kepunyaan Pemegang Kad dan distres, pelaksanaan atau proses yang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, tidak diselesaikan oleh Pemegang Kad dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh tersebut;

(v) jika Pemegang Kad memberi maklumat atau data palsu atau tidak tepat kepada Bank;

(vi) jika seorang penerima dilantik berhubung dengan aset Pemegang Kad atau mana-mana bahagian daripadanya atau suatu perjumpaan, samada rasmi atau tidak rasmi, diadakan oleh pemiutang-pemiutang Pemegang Kad atau salah seorang daripada mereka atau Pemegang Kad menyertai skim pembayaran balik atau penyusunan dengan mana-mana pemiutang atau jika Pemegang Kad mendapat kaunseling daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

(vii) jika Pemegang Kad tidak menyelesaikan suatu hutang penghakiman yang diambil terhadapnya dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar daripada tarikh perintah tersebut (selain daripada suatu hutang penghakiman yang mana Pemegang Kad memperolehi perintah penggantungan pelaksanaan dan telah menfailkan Notis Rayuan dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang);

(viii) jika menurut pendapat mutlak pihak Bank, Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB dan/atau Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad dengan pihak Bank adalah atau tidak dikendalikan dengan memuaskan atau kemungkiran pembayaran yang terhutang telah berlaku;

(ix) jika berlakunya suatu kejadian atau wujud suatu keadaan yang akan atau mungkin menurut pendapat mutlak pihak Bank menjejaskan keupayaan Pemegang Kad untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini;

(x) jika Pemegang Kad menjadi tidak waras atau meninggal dunia;

(xi) jika pihak Bank tidak mengetahui di mana Pemegang Kad berada;

(xii) jika pada pendapat pihak Bank terdapat transaksi yang menimbulkan kesangsian atau luar biasa yang dilaksanakan ke atas Kad dan penggantungan dan/atau penamatan yang munasabah diperlukan untuk mencegah fraud atau transaksi yang tidak diberi kuasa;

(xiii) jika Pemegang Kad didapati telah melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan yang terpakai berkaitan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad; atau

(xiv) Sekiranya apa-apa jumlah lain yang kena dibayar dari Pemegang Kad dan/atau syarikat-syarikat bersekutu dan/atau berkenaan Pemegang Kad dan/atau penjamin dan/atau pemberi sekuriti bagi keterhutangan Pemegang Kad di dalam ini ("Penanggung Obligasi") kepada pihak Bank atau mana-mana pihak ketiga dari masa ke semasa atau pada bila-bila masa atau mana-mana Penanggung Obligasi boleh atau menjadi bertanggungan kepada pihak Bank atau pihak ketiga di mana-mana atas akaun pembankan atau apa-apa akaun semasa atau sebaliknya atau di dalam apa-apa cara bagaimanapun termasuk tetapi tidak terhad kepada Penanggung Obligasi menanggung di dalam kapasiti sebagai penggerenti atau penjamin atau sekiranya kemungkiran dilakukan oleh salah seorang Penanggung Obligasi berkenaan dengan apa-apa peruntukan di dalam akaun-akaun atau di dalam apa-apa kemudahan kredit lain yang diberikan oleh pihak Bank atau pihak ketiga sekarang atau selepas dari ini kepada mana-mana Penanggung Obligasi.

(c) Tanpa mengambilkira tarikh transaksi, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab terhadap kegunaan Kad tersebut walaupun Kad telah dipulangkan.

(d) Jikalau berlaku penamatan penggunaan Kad samada oleh Pemegang Kad tersebut atau pun oleh pihak Bank, tiada pembayaran balik yuran tahunan, cukai perkhidmatan atau sebarang bahagian dari itu akan dibuat kepada Pemegang Kad oleh pihak Bank.

Syarat Penggunaan dan Pemberian Kad

4A. (a) Tanpa perjudis kepada yang dinyatakan sebelum ini secara amnya, penggunaan Kad dan pemberian Kad adalah atas syarat:-

(i) tiada sebarang perlanggaran undang-undang berkaitan dengannya; dan

(ii) Pemegang Kad berwaad dan mengakujanji (dan terus berwaad dan mengakujanji) kepada pihak Bank bahawa persetujuan pihak Bank untuk memberikan atau menyediakan atau terus menyediakan kemudahan Kad kepada Pemegang Kad tidak akan bercanggah dengan atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau peruntukan atau sebarang had pinjaman yang sedia ada atau sekatan yang mungkin akan dikenakan ke atas pihak Bank dari masa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang pihak berkuasa yang mempunyai kuasa ke atas pihak Bank termasuk, Persatuan Bank-Bank di Malaysia ("Peraturan-peraturan dan Undang-undang yang terpakai").

(b) Peraturan-peraturan dan Undang-undang yang terpakai yang tertakluk kepada Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(i) kesemua peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 ("BAFIA") yang sedia ada;

(ii) kesemua garispanduan Bank Negara Malaysia yang sedia ada dan arahan yang dikeluarkan berkenaan BAFIA, terutamanya peruntukan yang terkandung pada Seksyen 62 BAFIA; dan

(iii) kesemua garispanduan, had pinjaman atau sekatan yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia atau sebarang pihak berkuasa kerajaan dari masa ke semasa termasuk yang berkenaan atau terpakai kepada pemberian dan/atau penggunaan Kad kepada dan/atau oleh mereka yang berkaitan dengan pihak Bank.

(c) Pemegang Kad mesti dengan segera memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis sekiranya:-

(i) Pemegang Kad pada masa ini telah melanggar atau kemudiannya melanggar sebarang Peraturan-peraturan dan Undang-undang yang terpakai; atau

(ii) sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini tidak lagi dipenuhi atau didapati telah diingkari atau tidak dipenuhi oleh Pemegang Kad.

(d) Pemegang Kad dalam pada memberi deklarasi berkenaan apa-apa yang dinyatakan sebelum ini atau sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini di mana ia diperlukan oleh atau ke atas terma-terma yang dinyatakan oleh Bank akan dianggap menyatakan dan memberi jaminan kepada Bank bahawa kandungan dalam ini akan kekal benar dan tepat dalam semua aspek selagi Kad masih disediakan atau sebarang jumlah yang terhutang dibawahnya masih belum dibayar.

Kecurian atau Kehilangan Kad

5. (a) Melainkan seperti yang diperuntukkan kemudian dari ini, Pemegang Kad akan dan tetap bertanggungan kepada pihak Bank untuk apa-apa barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga-peniaga dan pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad samada penggunaan tersebut dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak. Pemegang Kad di bawah duti untuk mengambil langkah jagaan yang tinggi, usaha wajar dan pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad secara fraud dan untuk mengelakkan pendedahan PIN Pemegang Kad kepada mana-mana orang lain dan Pemegang Kad akan menanggung rugi dan tidak memudaratkan Bank terhadap apa-apa liabiliti untuk kehilangan, kerosakkan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) berbangkit dari kemungkiran duti Pemegang Kad. Duti untuk mengambil langkah jagaan yang tinggi, usaha wajar dan pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad secara fraud dan untuk mengelakkan pendedahan PIN Pemegang Kad kepada mana-mana orang lain termasuk:-

- tidak membenarkan sesiapapun untuk menggunakan Kad.
- tidak menulis PIN di atas Kad atau apa-apa benda yang biasanya disimpan dengan Kad.
- tidak menulis PIN dalam bentuk yang boleh difahami oleh orang lain.
- tidak membuka/mendedahkan/memberitahu PIN kepada orang lain
- tidak membiarkan Kad dari sisi Pemegang Kad

Pemegang Kad mesti serta-merta melaporkan kepada pihak Bank dan kepada polis apa-apa kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang diikuti dengan pengesahan bertulis kepada pihak Bank berserta dengan salinan laporan polis dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar daripada tarikh berlakunya kehilangan, dan/atau kecurian dan, atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Pemegang Kad adalah dan akan bertanggungan kepada pihak Bank untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga dan pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad oleh mana-mana orang sebelum pihak Bank menerima pengesahan bertulis atau notifikasi lisan berkenaan kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN. Walau apa pun sebelum ini, pihak Bank menetapkan liabiliti Pemegang Kad kepada had RM250.00 untuk setiap Kad untuk transaksi yang tidak diberi kuasa disebabkan kehilangan atau kecurian Kad sekiranya Pemegang Kad tidak:-

(i) bertindak fraud; atau

(ii) gagal memberitahu Bank secara munasabah praktikal selepas mengetahui bahawa Kad telah hilang atau dicuri.

Sekiranya Bank boleh membuktikan imbangan kebarangkalian bahawa Pemegang Kad telah bertindak fraud atau gagal memberitahu Bank secara munasabah praktikal selepas mengetahui bahawa Kad telah hilang atau dicuri, liabiliti Pemegang Kad untuk transaksi yang tidak diberi kuasa adalah tidak terhad. Sekiranya PIN digunakan untuk sebarang transaksi Kad, penggunaan adalah dianggap telah diberi kuasa secara ekspres oleh Pemegang Kad dan Pemegang Kad adalah dihalang dari mengatakan bahawa Kad telah digunakan untuk transaksi tidak diberi kuasa disebabkan kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya Pemegang Kad tidak puas hati dengan keputusan Bank berkenaan dengan apa-apa isu berbangkit dari klausa ini, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian kepada Biro Pengantaraan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Apabila Kad yang hilang atau dicuri telah ditemui, Pemegang Kad bersetuju tidak akan menggunakan Kad yang telah ditemui itu dan mesti mengembalikan Kad yang sama, dikerat dua di bahagian tengah jalur magnetik dan melalui cip (jika Kad tersebut mempunyai mikrocip di dalamnya) kepada pihak Bank.

(b) Pihak Bank tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengeluarkan Kad gantian kepada Pemegang Kad berikutan dengan kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya pihak Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad gantian adalah tertakluk kepada Bayaran Kad Pengganti seperti berikut:-

(i) RM10.00 jika kehilangan atau kecurian Kad dilaporkan untuk kali pertama;

(ii) RM50.00 jika kehilangan atau kecurian Kad dilaporkan untuk kali kedua.

Pihak Bank berhak untuk tidak mengeluarkan Kad gantian jika kehilangan atau kecurian Kad dilaporkan untuk kali ketiga.

(c) Jika Kad gantian dikeluarkan segala Baki Baru yang belum jelas dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Baru dalam Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau JCB Kad akan dipindahkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau JCB Kad yang baru.

Pembaharuan Kad

6. Apabila tempoh sah Kad tamat, pihak Bank boleh mengeluarkan Kad gantian baru kepada Pemegang Kad dan Bank berhak menurut budi bicara mutlaknya menolak untuk mengeluarkan Kad gantian baru tanpa memberi apa-apa alasan. Jika Kad baru dikeluarkan, segala Baki Baru yang belum jelas dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Baru dalam Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau JCB Kad akan dipindahkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau JCB Kad yang baru.

Had Pembelian dan Urusniaga

7. (a) Walaupun suatu had kredit yang mungkin tidak diberi atau dimaklumkan kepada Pemegang Kad, pihak Bank boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknya menetapkan had bagi tujuan kawalan selepas memberikan notis tiga (3) hari bekerja terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.

(b) Di mana had kredit tertentu yang ditetapkan diberi dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad mesti tidak melampaui had kredit yang diberi atau ditetapkan oleh pihak Bank kecuali jika Pemegang Kad memperolehi kebenaran bertulis terlebih terdahulu daripada pihak Bank untuk melampaui had kredit ini. Selanjutnya Pemegang Kad mengakujanji untuk tidak melaksanakan pembelian-pembelian atau urusniaga-urusniaga di dalam atau di luar Malaysia yang mana boleh mengakibatkan jumlah baki belum jelas Pemegang Kad kepada pihak Bank berikutan dengan pembelian-pembelian atau urusniaga-urusniaga tersebut melampaui had kredit tersebut.

(c) Di mana kedua-dua MasterCard dan Kad Visa dan/atau JCB Kad telah dikeluarkan kepada Pemegang Kad dan/atau dimana Kad Tambahan dikeluarkan, dan di mana had kredit tetap telah diberi dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad, had kredit yang ditetapkan itu harus merangkumi had kredit yang sama dan dikongsi oleh kesemua kad-kad yang disebut di atas di mana jumlah pembelian-pembelian atau urusniaga-urusniaga dengan kad-kad tersebut tidak boleh melampaui had kredit yang ditetapkan pada bila-bila masa.

(d) Walaupun had kredit yang ditetapkan diberi dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad, pihak Bank boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknya mengubah atau meminda had kredit yang ditetapkan selepas memberikan notis tiga (3) hari bekerja kepada Pemegang Kad.

(e) Tanpa mengambilkira apa-apa yang tersebut di atas, Pemegang Kad masih dan adalah bertanggungan untuk semua liabiliti-liabilitinya termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pembelian-pembelian, pendahuluan tunai dan urusniaga-urusniaga yang melampaui had kredit tersebut. Sebagai amplikasi dan tanpa menjejaskan apa-apa yang tersebut di atas, pihak Bank tidak terikat dalam apa jua cara untuk memastikan bahawa Pemegang Kad tidak melampaui had kreditnya.

(f) Pemegang Kad tidak berhak di bawah apa-apa keadaan atau untuk menuntut bahawa had kredit yang ditetapkan atau had kredit yang ditetapkan yang masih tidak digunakan mesti disediakan oleh pihak Bank untuk kegunaan Pemegang Kad. Pihak Bank tidak mempunyai obligasi samada di bawah undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan had kredit ditetapkan atau had kredit yang ditetapkan yang masih tidak digunakan untuk kegunaan Pemegang Kad.

(g) Ketersediaan atau lanjutan had kredit yang ditetapkan yang diberi kepada Pemegang Kad adalah tertakluk kepada kajian semula yang mungkin dilakukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.

(h) Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan mana-mana hak pihak Bank yang terkandung di dalam ini berikutan dengan kajian semula pihak Bank yang dinyatakan terdahulu, pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya selepas memberikan notis tiga (3) hari bekerja kepada Pemegang Kad dan tanpa apa-apa obligasi samada di bawah undang-undang atau dalam ekuiti memberi apa-apa alasan untuk menggantung atau menarikbalik atau mengubah atau meminda had kredit yang ditetapkan dengan apa-apa cara pun atau menurut terma-terma dan syarat-syarat selanjutnya yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

(i) Pihak Bank boleh (tetapi tiada obligasi) pada bila-bila masa dari masa ke semasa menghubungi Pemegang Kad untuk membenarkan sebarang transaksi yang dijalankan ke atas Kad tersebut sebagai satu langkah untuk mengelakkan sebarang transaksi tanpa kuasa terhadap penggunaan Kad tersebut. Jika pihak Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad, pihak Bank boleh (tetapi tiada obligasi) menolak transaksi tanpa liabiliti terhadap pihak Bank. Jika pihak Bank membenarkan transaksi sedemikian dijalankan, Pemegang Kad akan tetap bertanggungjawab bagi caj-caj dan/atau hutang yang dikenakan dan/atau wang tunai yang dikeluarkan.

Yuran dan Caj

8. Pemegang Kad bersetuju untuk membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

(a) yuran tahunan untuk Kad dan untuk setiap Kad Tambahan apabila dikeluarkan atau diperbaharui bersama-sama dengan apa-apa cukai perkhidmatan atau lain-lain cukai yang boleh dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan dari masa ke semasa;

(b) caj pengendalian untuk mengeluarkan Kad gantian;

(c) caj-caj untuk proses penyediaan salinan-salinan deraf jualan atau pendahuluan tunai dan apa-apa dokumen sokongan atau perkhidmatan lanjutan yang mungkin disediakan oleh pihak Bank dari masa ke semasa kecuali jika diperuntukkan sebaliknya oleh pihak Bank;

(d) yuran-yuran dan caj-caj untuk mana-mana atau semua urusniaga-urusniaga Kad yang dilaksanakan dengan penggunaan Kad melalui ATM termasuk tetapi tidak terhad kepada pendahuluan tunai dan/atau pengeluaran tunai; dan

(e) yuran-yuran dan caj-caj lain yang mana dikenakan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya dari masa ke semasa selepas memberikan Pemegang Kad notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu sebelum tarikh berkuatkuasa pelaksanaan.

Kuantum yuran-yuran dan caj-caj yang harus dibayar adalah pada jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank dan penentuan tersebut adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan walauapapun pada mana-mana akaun. Yuran-yuran tersebut mungkin didebitkan ke Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB.

Rekod Urusniaga dan Matawang yang Dibilkan

9. (a) Pihak Bank berhak untuk menganggap:-

(i) apa-apa deraf jualan, rekod urusniaga yang disimpan atau direkodkan secara elektronik atau sebaliknya, baucer kredit, deraf pengeluaran wang tunai dan/atau rekod caj lain yang mempunyai teraan atau cetakan lain bagi maklumat bercetak timbul pada Kad; dan/atau

(ii) rekod Bank berkenaan dengan pendahuluan tunai atau apa-apa urusniaga lain yang dilaksanakan dengan menggunaan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dilakukan secara pesanan mel atau melalui telefon atau melalui internet atau melalui sebarang mekanikal, elektrikal atau elektronik atau media atau peralatan lain

sebagai bukti hutang yang sewajarnya ditanggung oleh Pemegang Kad yang akan didebitkan ke dalam Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB walaupun mana-mana dokumen tersebut mungkin tidak mengandungi tandatangan Pemegang Kad atau tandatangan Pemegang Kad (jika tertera) adalah berbeza dengan tandatangan Pemegang Kad di atas borang permohonan atau atas rekod pihak Bank. Pemegang Kad bersetuju bahawa rekod Bank tentang apa-apa urus niaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad untuk semua tujuan. Tanpa mengambilkira apa yang dinyatakan di atas, sekiranya pihak Bank menerima bukti dokumentari yang memuaskan dan tidak boleh disangkal bahawa sebarang transaksi yang dilaksanakan ke atas Kad adalah disebabkan oleh penipuan yang tidak disebabkan atau disumbangkan oleh perbuatan dan/atau ketinggalan Pemegang Kad dan dengan syarat bahawa Pemegang Kad mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, pihak Bank boleh atas budi bicara mutlaknya melepaskan Pemegang Kad daripada obligasi membayar hutang yang terkumpul akibat daripada transaksi penipuan.

(b) Kesemua hutang jika dalam matawang selain daripada matawang bil akan:-

(i) sebelum didebitkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB, ditukarkan kepada matawang bil pada kadar pertukaran seperti yang ditetapkan secara muktamad oleh MCI dan/atau Visa dan/atau JCB pada tarikh ia direkodkan pada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB; dan

(ii) tertakluk kepada caj perkhidmatan sebanyak 1% daripada jumlah transaksi atau pada kadar lain yang boleh ditetapkan secara muktamad oleh pihak Bank dari masa ke semasa selepas memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemegang Kad dan caj sedemikian boleh didebitkan kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB; dan

(iii) tertakluk kepada apa-apa fi yang boleh dicajkan dan secara konklusif ditentukan oleh MCI dan/atau Visa dan/atau JCB dan perubahan tersebut boleh didebitkan ke Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB.

Kadar pertukaran matawang, caj perkhidmatan dan fi-fi yang boleh dicajkan oleh MCI dan/atau Visa dan/atau JCB akan pada kadar yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad di dalam cara yang sama seperti pihak Bank memaklumkan Pemegang Kad akan kadar caj institusi seperti dispesifikasikan di dalam Klausa 13 di bawah ini dan boleh diubah oleh pihak Bank dari masa ke semasa selepas memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh efektif implikasi.

Urusniaga ATM

10. (a) Atas permintaan Pemegang Kad pihak Bank akan menyediakan PIN untuk Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad bagi membolehkan Pemegang Kad memperolehi pendahuluan wang tunai dan/atau pengeluaran wang tunai melalui ATM. Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan PINnya kepada mana-mana pihak lain di dalam apa jua keadaan.

(b) Pihak Bank tidak akan menanggung atau bertanggungjawab di dalam apa-apa jua cara untuk sebarang kerugian, kerosakkan, kecederaan, kesulitan atau kemaluan walaubagaimanapun berlaku atau dialami oleh Pemegang Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan di mana urusniaga tidak boleh dilaksanakan atau telah dilaksanakan secara salah oleh sebab kecacatan, kerosakan, pemberhentian atau gangguan penutupan atau kehilangan bekalan kuasa kepada ATM ("Kecacatan Teknikal") atau sebaliknya atau di mana Kad tidak laku atau diterima untuk digunakan atau di mana Kad ditahan oleh ATM disebabkan oleh Kecacatan Teknikal atau kerana apa-apa jua sebab lain atau alasan seperti yang akan ditetapkan oleh pihak Bank secara tunggal.

(c) Masa operasi, jenis operasi, kemudahan dan perkhidmatan yang tersedia kepada Pemegang Kad serta kekerapan dan cara penggunaan Kad untuk melaksanakan urusniaga melalui ATM akan ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlak pihak Bank.

(d) Jika Kad digunakan di ATM bagi mengawal Akaun Lain Pemegang Kad, pengunaan Kad atas Akaun Lain Pemegang Kad akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat semasa Bank yang mengawal Akaun Lain Pemegang Kad.

Penyata Akaun

11. (a) (i) Penyata akaun untuk MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB akan diberikan kepada Pemegang Kad sebulan sekali atau secara berkala seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank ke alamat terakhir Pemegang Kad yang di dalam rekod pihak Bank dan adalah dipersetujui bahawa semua penyata hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dalam tempoh masa empat-puluh lapan (48) jam dari tarikh pengeposan.

(ii) Setelah penyata diterima, Pemegang Kad dianggap telah memeriksa semua catatan di dalam penyata.

(iii) Pemegang Kad dengan ini dengan nyatanya berwaad dan mengakujanji dengan pihak Bank bahawa Pemegang Kad akan memaklumkan pihak Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan di dalam penyata, dalam tempoh masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad menerima atau dianggap telah menerima penyata tersebut. Jika Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan percanggahan, atau ketidaktepatan bagi mana-mana catatan di dalam penyata Pemegang Kad akan dianggap telah menerima catatan yang terkandung di dalamnya yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir di dalam penyata sebagai betul dan sebagai bukti terakhir dan muktamad bagi fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dan Pemegang Kad selepas itu adalah dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak Bank dengan mendakwa bahawa penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

(iv) Pihak Bank tidak perlu memberikan Pemegang Kad dengan apa-apa penyata, atau salinan penyata atau slip jualan atau apa-apa rekod lain mengenai urusniaga-urusniaga yang berkaitan urusniaga yang telah berlaku lebih dua belas (12) bulan daripada tarikh permintaan oleh Pemegang Kad.

(b) Tanpa mengambilkira bayaran minima yang perlu dibayar dan tarikh matang tempoh pembayaran yang ditentukan di dalam Penyata Pemegang Kad, keseluruhan baki belum jelas atas Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB Pemegang Kad termasuk caj kewangan dan caj bayaran lewat menjadi terhutang dan perlu dibayar apabila kejadian-kejadian berikut berlaku: -

(i) penamatan penggunaan Kad oleh pihak Bank di bawah Klausa 4 atau keengganan pihak Bank mengeluarkan Kad gantian di bawah Klausa 5; atau

(ii) penamatan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad di bawah Klausa 3 atau kegagalan memperbaharui Kad dibawah Klausa 6 di sini.

Selepas penamatan penggunaan Kad Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB, kesemua bayaran termasuk caj kewangan dan semua caj lain yang terkandung di sini akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan segera. Untuk menggelakkan keraguan, adalah dipersetujui oleh Pemegang Kad dan pihak Bank bahawa semua peruntukan yang terkandung di dalam ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan walaupun penggunaan Kad ditamatkan. Selepas penamatan peggunaan Kad, pihak Bank boleh terus mendebitkan jumlah wang (termasuk tetapi tidak terhad kepada caj kewangan dan lain-lain caj seperti yang terkandung disini) ke Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB Pemegang Kad termasuk caj kewangan dan jumlah wang yang telah didebitkan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar dengan segera.

(c) Tanpa mengambilkira penangguhan atau penamatan penggunanaan Kad, caj bayaran lewat, caj pentadbiran dan sebarang caj lain yang bersesuaian akan dikompaun atas asas bulanan pada kadar yang ditentukan di dalam ini dan akan terus dicaj ke atas apa-apa jumlah wang yang masih perlu dibayar dan belum dibayar dan sekiranya penghakiman diperolehi untuk apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Bank, caj kewangan dan caj bayaran lewat seperti yang tersebut dahulu perlu dibayar kepada Bank daripada tarikh penghakiman tersebut sehingga tarikh pembayaran penuh jumlah tersebut.

Pendahuluan tunai / Pengeluaran wang tunai

12. (a) Pemegang Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai dalam jumlah yang akan diberitahu kepada Pemegang Kad secara bertulis di dalam Penyata Pemegang Kad atau sebaliknya dari masa ke semasa, dengan cara-cara berikut :-

(i) mengemukakan Kad di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB berserta bukti tentang identitinya dan menandatangani rekod urusniaga yang sewajarnya;

(ii) menggunakan Kad di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi lain yang mempunyai peraturan (-peraturan) dengan Bank untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut (di mana jumlah bagi setiap pendahuluan tunai adalah seterusnya tertakluk kepada had pengeluaran harian ATM yang terpakai); atau

(iii) bagi semua urusniaga luar negara melalui ATM dan/atau mana-mana institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB dalam mana kadar pertukaran (jika berkenaan) yang dikenakan bagi pengeluaran tunai adalah pada kadar pertukaran semasa yang ditetapkan oleh Bank menurut budi bicara mutlaknya dari masa ke semasa. Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa urusniaga-urusniaga tersebut tidak akan melanggar undang-undang yang terpakai di negara di mana urusniaga tersebut dijalankan.

(b) Caj kewangan akan terakru atas setiap pendahuluan tunai daripada tarikh pendahuluan sehingga pembayaran penuh pada kadar maksima 1.5% sebulan, yang bersamaan dengan 18% setahun (atau pada kadar yang ditetapkan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya sekiranya diluluskan oleh Bank Negara Malaysia), yang mana kadar itu akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad di dalam Penyata Pemegang Kad atau sebaliknya secara bertulis dari masa ke semasa. Yuran pendahuluan tunai akan dikira ke atas jumlah setiap pendahuluan tunai pada kadar 5.0% dari jumlah yang dikeluarkan (tertakluk kepada jumlah minima RM15.00) dan akan dikenakan ke Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB. Yuran pendahuluan tunai akan dinyatakan di dalam Penyata dan boleh diubah oleh pihak Bank dari masa ke semasa selepas memberikan kepada Pemegang Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuatkuasa pelaksanaan.

(c) Pemegang Kad boleh meminta Bank untuk memindah dana daripada Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB kepada mana-mana akaunnya yang lain yang dibuka dengan pihak Bank. Sebagai tambahan kepada sebelum ini, Pemegang Kad memberi kuasa yang tidak boleh dibatal kepada pihak Bank (tanpa perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada Pemegang Kad) untuk mendebitkan dan memindahkan dana daripada Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB kepada mana-mana akaunnya yang lain yang dibuka

dengan pihak Bank untuk menunaikan cek-cek, menyelesaikan apa-apa transaksi debit dan/atau secara umumnya untuk meletakkan akaun sedemikian ke dalam dana jika akaun sedemikian mempunyai dana yang tidak memadai samada akibat penamatan kemudahan overdraf atau sebaliknya. Pihak Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) memindahkan dana seperti yang dinyatakan diatas. Dana yang dipinda menurut Klausa ini akan dianggap sebagai pendahuluan tunai kepada Pemegang Kad.

(d) Pemegang Kad bersetuju bertanggungjawab ke atas kesemua pendahuluan tunai yang dilakukan menerusi Kad tanpa mengira samada pengeluaran sedemikian dilakukan di dalam atau melebihi had kredit yang ditetapkan.

Caj kewangan

13. (a) (i) Seperti dibenarkan di bawah garispanduan Bank Negara Malaysia bertarikh Februari 12, 2009 (atau apa-apa garispanduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa) yang dikeluarkan menurut Seksyen 70 Akta Sistem Pembayaran 2003, Bank boleh mengenakan caj-caj kewangan ke atas baki terhutang Pemegang Kad (dan berkenaan transaksi urusniaga baru, caj kewangan akan bermula dari tarikh transaksi-transaksi urusniaga di rekodkan pada Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB anda) tertakluk kepada kadar maksima terkini seperti berikut:-

(aa) 1.25% sebulan, yang bersamaan dengan 15% setahun, ke atas jumlah keseluruhan baki terhutang di mana Pemegang Kad telah menyelesaikan bayaran minima mereka untuk dua belas (12) bulan berturut-turut;

(bb) 1.42% sebulan, yang bersamaan dengan 17% setahun, ke atas jumlah keseluruhan baki terhutang di mana Pemegang Kad telah menyelesaikan bayaran minima mereka untuk sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran masa dua belas (12) bulan;

(cc) 1.5% sebulan, yang bersamaan dengan 18% setahun, ke atas jumlah keseluruhan baki terhutang di mana Pemegang Kad tidak termasuk dalam mana-mana (aa) atau (bb) di atas.

(ii) Tanpa mengambilkira Klausa 13(a)(i) di atas, sekiranya Pemegang Kad telah menyelesaikan sepenuhnya baki terhutang bulan sebelumnya seperti yang ditunjukkan pada Penyata bulan semasa, Pemegang Kad akan menikmati suatu "tempoh tanpa faedah" untuk sekurang-kurangnya dua puluh (20) hari kalendar bermula daripada tarikh Penyata bulan semasa jika Transaksi Urusniaga tersebut direkodkan pada MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB dan caj kewangan tidak akan dikenakan ke atas sebarang Transaksi Urusniaga semasa "tempoh tanpa faedah" sedemikian. Untuk Pemegang Kad yang tidak menyelesaikan sepenuhnya baki terhutang bulan sebelumnya, mereka tidak akan menikmati "tempoh tanpa faedah" seperti yang disebutkan. Transaksi Urusniaga bermakna urusniaga-urusniaga selain daripada pendahuluan tunai dan urusniaga pertaruhan atau perjudian.

(iii) Tertakluk kepada Klausa 11(b) di sini Pemegang Kad boleh memilih untuk tidak menyelesaikan Baki Baru sepenuhnya di mana Pemegang Kad mesti, pada atau sebelum tarikh matang yang dinyatakan pada Penyata tersebut ("Tarikh Matang"), yang ditetapkan, membayar tidak kurang daripada bayaran minima yang perlu dibayar yang dikira pada kadar 5% dari Baki Baru atau RM50.00 yang mana lebih tinggi.

(iv) Sebarang baki belum dibayar bersama-sama dengan caj kewangan dan caj pentadbiran yang terakru belum dibayar, dan caj lain yang berkenaan pada Tarikh Matang akan dipermodalkan dan akan tertakluk kepada caj kewangan sehingga pembayaran penuh jumlah yang masih belum dibayar.

(v) Caj kewangan akan dicaj pada baki yang masih tertunggak dalam akaun dari tarikh penyata bil bulanan yang berikutan, yang mana akan dikira pada asas harian.

(vi) Sekiranya Baki Baru melebihi had kredit ditetapkan kepada Pemegang Kad, pihak Bank boleh pada bila-bila masa mewajibkan Pemegang Kad segera membayar keseluruhan jumlah yang melampaui had kredit yang ditetapkan ("jumlah yang melampaui had kredit ditetapkan"). Sehingga pihak Bank mewajibkan Pemegang Kad membayar jumlah yang melampaui had kredit yang ditetapkan, Pemegang Kad diwajibkan membayar bayaran minima yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan in Klausa 13(a)(iii) diatas.

(b) Semua bayaran untuk pembelian barang-barang dan/atau perkhidmatan dan pendahuluan tunai yang dilaksanakan dengan penggunaan Kad dan semua yuran tahunan, caj pengendalian, caj tambahan, caj kewangan dan/atau caj bayaran lewat dan mana-mana yuran dan caj lain yang dikenakan akan didebitkan ke dalam Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB dalam matawang bil dan akan ditunjukkan dalam Penyata.

Perubahan dalam Caj Kewangan dan Caj-Caj Lain

13A (a) Sebagai amplifikasi dan tanpa menjejaskan hak-hak pihak Bank yang terkandung di dalam Klausa 25, Bank berhak pada setiap masa dan dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya mengubah kadar atau kaedah pengiraan caj kewangan, yuran tahunan, caj pengendalian, bayaran minima perlu yang dibayar, caj bayaran lewat dan apa-apa yuran yang terpakai atau levi yang diperuntukan di sini dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Notifikasi kepada Pemegang Kad akan perubahan dan tarikh efektif berkenaan apa-apa perubahan adalah dengan menampalkan notis pada dewan pembankan pihak Bank dan pada laman web pihak Bank. Di mana praktikal, tambahan kepada cara-cara komunikasi di atas, pihak Bank boleh memaklumkan kepada Pemegang Kad melalui cara-cara berikut:-

(i) dengan cara satu pengumuman di dalam satu atau lebih suratkhabar pilihan pihak Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuatkuasa perubahan; dan/atau

(ii) dengan menyertakan ke dalam penyata akaun Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuatkuasa perubahan; dan/atau

(iii) dengan memposkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuatkuasa perubahan kepada Pemegang Kad secara pos biasa atau berdaftar; dan/atau

(iv) dengan menyerahkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuatkuasa perubahan secara SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau dengan memposkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuatkuasa perubahan pada laman web pihak Bank.

(b) Komunikasi yang dibuat oleh pihak Bank di bawah ini adalah dianggap telah diterima oleh atau dikomunikasikan kepada Pemegang Kad:-

(i) pada hari notis ditampalkan dalam dewan pembankan dan laman web pihak Bank; dan/atau

(ii) pada hari pengumuman pertama dalam mana-mana suratkhabar pilihan Bank sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh pihak Bank mengikut peruntukan Klausa 13A(a)(i) di atas; dan/atau

(iii) tiga (3) hari kalendar selepas tarikh penyata akaun Bank diposkan kepada Pemegang Kad sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh pihak Bank mengikut peruntukan Klausa 13A(a)(ii) di atas; dan/atau

(iv) tiga (3) hari kalendar selepas tarikh notis diposkan kepada Pemegang Kad secara pos biasa atau pos berdaftar sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh pihak Bank mengikut peruntukan Klausa 13A(a)(iii) di atas; dan/atau

(v) pada tarikh notis perubahan dihantarkan melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau pada tarikh notis perubahan diposkan ke laman web pihak Bank mengikut peruntukan Klausa 13A(a)(iv) di atas.

Kegagalan pihak Bank untuk memberi notis kepada Pemegang Kad tentang perubahan, tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada kewajipannya untuk membayar caj kewangan, yuran tahunan, caj pengendalian, bayaran minima yang perlu dibayar, caj bayaran lewat dan apa-apa yuran yang terpakai atau levi pada kadar yang telah diubah atau pada kaedah pengiraan yang telah diubah. Keputusan pihak Bank berkenaan kadar faedah yang dikenakan pada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB atau kaedah pengiraan adalah akhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam apa saja akaun.

Caj bayaran lewat

14. (a) Tanpa mengambilkira Klausa 13(a)(iii), jika Pemegang Kad gagal membuat bayaran minima yang perlu dibayar pada tarikh matang, caj bayaran lewat sebanyak 1% ke atas keseluruhan baki terhutang (tertakluk kepada jumlah minima sebanyak RM10.00 dan jumlah maksima sebanyak RM100.00 atau apa-apa had di mana Bank akan tentukan jika had tersebut yang ditentukan oleh Bank tidak melebihi Peraturan-peraturan dan Undang-undang yang terpakai yang ditetapkan) akan dikenakan setiap bulan pada bayaran minima yang perlu dibayar tidak dijelaskan. Caj bayaran lewat ini dikenakan melalui cara gantirugi jumlah tertentu dan bukannya sebagai penalti dan perlu dibayar sebelum dan juga selepas apa-apa perintah Mahkamah atau penghakiman. Pihak Bank akan walau bagaimanapun memberikan Pemegang Kad tempoh tangguh empat (4) hari kalendar selepas pembayaran perlu dibayar di mana tarikh pembayaran perlu dibayar jatuh pada satu hujung minggu atau hari kelepasan am.

(b) Selepas penamatan penggunaan Kad suatu caj bayaran lewat akan terus dicajkan.

Penutupan Akaun

15. Pihak Bank akan menutup Akaun Pemegang Kad MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB dengan serta-merta apabila menerima permintaan penutupan dari Pemegang Kad atau selepas penamatan penggunaan Kad atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai selepas memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad tanpa tertakluk kepada apa-apa fi dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank ke atas Pemegang Kad. Berhubung dengan penutupan, pihak Bank akan menguruskan pembayaran balik baki di dalam akaun(-akaun), sekiranya ada kepada Pemegang Kad dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar menerusi Perintah Juruwang atau Deraf Bank dihantar melalui pos atau dengan apa-apa cara atau apa-apa kaedah pembayaran yang ditentukan oleh pihak Bank.

Aturan Bayaran

16. Kesemua pembayaran kepada pihak Bank mesti dibuat dalam matawang bil. Pembayaran-pembayaran oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank tidak akan dianggap sebagai telah dilaksanakan sehingga dana berkaitan bagi nilai tersebut diterima oleh pihak Bank. Kesemua pembayaran melalui cek mestilah termasuk komisyen pertukaran dalaman jika berkenaan. Kegagalan memasukkan komisyen pertukaran dalaman akan memberikan hak kepada pihak Bank untuk mendebit Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB atau melaksanakan haknya untuk tolak selesai seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank. Pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank samada didebitkan terus dari Akaun Lain Pemegang Kad atau sebaliknya akan terpakai untuk menyelesaikan baki (iaitu butir-butir yang tercatat pada Penyata) yang menarik faedah tertinggi dahulu. Bank diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik untuk (tetapi tidak dimestikan) memindahkan bayaran daripada satu akaun kad kredit kepada akaun kad kredit lain (untuk semua akaun yang dimiliki oleh Pemegang Kad utama) untuk seragamkan sebarang baki terhutang di akaun lain.

Penepian

17. (a) Penerimaan pembayaran lewat atau pembayaran sebahagian atau cek atau kiriman wang oleh pihak Bank yang ditandakan sebagai pembayaran penuh atau apa-apa penepian hak Bank atau kelonggaran yang diberikan kepada Pemegang Kad tidak menghalang pihak Bank daripada menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah perjanjian ini untuk memungut jumlah yang perlu dibayar menurut perjanjian ini atau penerimaan tersebut juga tidak akan dianggap sebagai kebenaran untuk meminda perjanjian ini dalam apa jua keadaan.

(b) Hak pihak Bank seperti yang terkandung di dalam ini adalah kumulatif, boleh digunakan sekerap mungkin jika dianggap sesuai dan sebagai penambahan hak-hak pihak Bank di bawah sebarang undang-undang terpakai. Hak pihak Bank seperti yang terkandung disini tidak boleh diketepikan atau diubah, selain daripada penepian atau perubahan langsung secara bertulis dan khususnya sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau sebarang kelewatan dalam melaksanakan hak-hak itu tidak akan berfungsi sebagai penepian atau perubahan atau apa-apa hak lain, sebarang ketidaksempurnaan atau perlaksanaan sebahagian hak-hak itu tidak akan menahan hak-hak yang lain atau perlaksanaan hak-hak itu selanjutnya dan tiada tindakan, atau rundingan bagi pihaknya akan menahan pelaksanaan sebarang hak-hak itu atau menjadi suatu pengantungan atau perubahan hak-hak dalam apa jua cara.

Pembayaran melalui cek

18. (i) Cek yang dihantar oleh Pemegang Kad sebagai pembayaran dan yang mana kemudiannya tidak dilayan boleh dikembalikan oleh penghantar atau melalui kurier atau pos kepada Pemegang Kad dan atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Kad sendiri. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad jika cek tidak layan hilang dalam perjalanan.

Pra-pembayaran

19. (a) Sekiranya Pemegang Kad membayar kepada pihak Bank jumlah melebihi Baki Baru (pra-pembayaran), pihak Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menentusahkan sumber dana pra-pembayaran. Tertakluk kepada kepuasan pihak Bank dengan penentusahkan, pihak Bank, tanpa prejudis kepada hak-haknya yang lain di bawah Perjanjian, boleh memohon pra-pembayaran kepada Pemegang Kad membuat pembayaran obligasi untuk pembelian dan transaksi oleh Kad tersebut. Sementara menunggu penentusah untuk sumber dana bagi pra-pembayaran daripada pihak Bank:-

(i) pihak Bank mempunyai hak untuk menggantung penggunaan Kad dan/atau menolak apa-apa transaksi yang cuba dilakukan ke atas Kad oleh Pemegang Kad selepas pra-pembayaran; dan

(ii) apa-apa jumlah yang masih terhutang kepada Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB oleh kerana pra-pembayaran tidak akan dapat dibayar balik kepada Pemegang Kad.

(b) Sekiranya sumber dana daripada pra-pembayaran adalah daripada institusi kewangan yang lain melalui penyusunan “pindahan baki” atau sebaliknya dan pra-pembayaran sedemikian menyebabkan sejumlah dana dikreditkan ke dalam akaun Mastercard, dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB, pihak Bank boleh atas budi bicara mutlaknya mengembalikan dana tersebut kepada institisi kewangan yang berkenaan dengan jumlah yang dikreditkan ke Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB. Apa-apa jumlah yang dikreditkan tidak akan dilepaskan kepada Pemegang Kad tetapi akan digunakan untuk melangsaikan wang yang belum dibayar di bawah Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB melalui pembelian dan transaksi yang terlaksana akibat penggunaan Kad tersebut.

Kad Tambahan

20. (a) Pihak Bank boleh mengeluarkan Kad Tambahan kepada sesiapa yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan dan diluluskan oleh Bank, dengan syarat bahawa penggunaan Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang sama didalam Perjanjian ini. Selepas penggunaan Kad ditamatkan di bawah apa-apa keadaan atau atas permintaan Pemegang Kad, penggunaan semua Kad Tambahan juga akan ditamatkan. Penamatan penggunaan Kad Tambahan tidak akan menamatkan penggunaan Kad dengan syarat pembayaran penuh telah dibuat atas Baki Baru bagi Akaun Kad Tambahan dan Pemegang Kad mesti sebelum atau pada tarikh matang yang ditetapkan, membayar tidak kurang daripada bayaran minima yang ditetapkan bagi Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB.

(b) Walaupun Kad Tambahan mungkin mempunyai nombor Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB yang berbeza dan Penyata berasingan mungkin dikeluarkan kepada Pemegang Kad Tambahan, Pemegang Kad akan bertanggungjawab secara bergabungan atau berasingan kepada pihak Bank untuk penggunaan Kad dan Kad Tambahan tersebut termasuk keseluruhan jumlah terkumpul melalui penggunaan Kad dan Kad Tambahan, yang dikeluarkan selaras dengan permohonan ini atau pada bila-bila masa selepasnya, atas permintaan Pemegang Kad dan/atau permintaan Pemegang Kad Tambahan. Walau apa pun, tetapi tidak bertentangan dengan apa-apa yang terkandung disini, Pemegang Kad Tambahan adalah tidak bertanggungjawab kepada pihak Bank, secara bergabungan dan/atau berasingan untuk hutang atau jumlah yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan yang lain daripada penggunaan Kad atau Kad-kad Tambahan.

(c) Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai di sini kepada Pemegang Kad boleh dipakai mutatis mutandis (iaitu dengan perubahan yang perlu) kepada Pemegang Kad Tambahan dan untuk tujuan itu istilah “Pemegang Kad” dan “Kad” akan dibaca dan ditaksirkan seolah-olah istilah-istilah “Pemegang Kad Tambahan” dan “Kad Tambahan” digantikan padanya.

Tolak Selesai

21. Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad, menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun (-akaun) Pemegang Kad dengan pihak Bank walau apa jua jenisnya dan di mana sahaja ia berada dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain atau tolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang dikreditkan ke mana-mana akaun (-akaun) termasuk akaun bersama dengan Pemegang Kad Tambahan atau membayar semua jumlah yang terhutang kepada pihak Bank sekarang atau selepas dari ini di bawah mana-mana akaun (-akaun) Pemegang Kad dan/atau Penanggung Obligasi dengan pihak Bank walau apa jua jenisnya dan di mana sahaja ia berada dan samada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan boleh berbuat demikian walaupun baki dalam akaun (-akaun) tersebut dan jumlah yang terhutang mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan dengan ini Pemegang Kad memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menguatkuasakan apa-apa penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan tersebut dengan penukaran sewajarnya pada kadar pertukaran mata wang yang semasa bagi pihak Bank menurut budi bicara mutlaknya. Berhubung dengan ini, pihak Bank boleh dengan serentak menguntukkan apa-apa dana yang sedia ada di dalam akaun deposit Pemegang Kad terhadap baki tertunggak Pemegang Kad setelah notis dikeluarkan kepada Pemegang Kad.

Kos Undang-Undang dan Tanggung Rugi

22. Pemegang Kad akan bertanggungan untuk membayar kepada pihak Bank semua kos guaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara dan anakguam), caj-caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank untuk menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan Perjanjian ini atau untuk memperolehi atau cuba memperolehi pembayaran bagi semua atau mana-mana bahagian wang yang dihutang oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad seterusnya mengakujanji untuk melepaskan dan menanggung rugi pihak Bank terhadap apa-apa liabiliti bagi kerugian, gantirugi, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya) yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank mengikut peruntukkan di sini atau dengan penguatkuasaan haknya di bawah ini.

Force Majeure

23. Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan Perjanjian ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungan sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan apa-apa peralatan mekanik atau eletronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan eletrik, pertikaian industri, apa-apa tindakan di luar kawalan pihak Bank atau yang disebabkan oleh apa-apa faktor force majeure. Sebarang ketidakmampuan untuk membuat pembayaran oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank disebabkan kekurangan simpanan, tidak akan dianggap sebagai tindakan force majeure dalam apa jua keadaan. Jika Bank tidak dapat memberikan Penyata kepada Pemegang Kad menurut peruntukkan di dalam Perjanjian pada bila-bila masa, liabiliti Pemegang Kad untuk caj kewangan dan caj lain, walau bagaimanapun, akan terus terakru dan untuk tujuan pengiraan faedah yang perlu dibayar kepada pihak Bank atau penetapan tarikh matang tempoh bagi pembayaran faedah dan jumlah pokok, pihak Bank boleh memilih mana-mana hari dalam bulan tersebut sebagai tarikh penyata bulanan.

Pihak Bank Tidak Bertanggunjawab Terhadap Tindakan Peniaga dan Pihak Ketiga

24. (a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana peniaga atau institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB menolak untuk menunaikan atau menerima Kad atau untuk apa-apa kecacatan atau ketidakpuasan berkenaan barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad oleh mana-mana peniaga. Apa-apa aduan oleh Pemegang Kad mestilah diselesaikan secara terus dengan peniaga atau institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB berkenaan dan tiada tuntutan terhadap peniaga atau institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB boleh ditolak selesai atau dituntut balas terhadap pihak Bank. Seterusnya Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung jumlah yang dikenakan dan tidak akan menangguhkan pembayaran kepada pihak Bank disebabkan oleh apa-apa aduan atau dalam apa jua keadaan. Barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi dengan Kad tidak boleh ditukar atau dipulangkan untuk pembayaran balik wang, akan tetapi baucer kredit akan dikeluarkan oleh para peniaga untuk tujuan ini. Selepas penerimaan sebarang baucer kredit pihak Bank akan mengkreditkannya ke dalam Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB Pemegang Kad tersebut. Melainkan baucer kredit yang dikeluarkan diterima oleh pihak Bank, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab untuk jumlah yang dikenakan.

(b) Sebagai amplikasi dan tanpa menjejaskan peruntukan di atas, pihak Bank tidak akan untuk apa-apa sebab bertanggungan untuk kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Kad di bawah apa-apa keadaaan jua samada atau tidak keadaan tersebut berhubung atau berpunca daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakterimaan Kad untuk apa-apa alasan oleh peniaga, orang perseorangan atau badan atau ketidakterimaan oleh mana-mana bank atau institusi ahli Visa, MCI dan/atau JCB untuk pendahuluan tunai, Kad ditolak oleh mana-mana ATM, tidak diperbaharui, halangan atau pembatalan had kredit atau kemudahan, penyenaraian nombor Kad berkenaan dalam senarai pembatalan atau di bawah apa-apa keadaan di mana Bank wajib untuk bertindak menurut budi bicaranya untuk melindungi haknya di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Pindaan

25. (a) Pihak Bank menyimpan haknya untuk mengubah (samada dengan menambah, membatalkan, mengubah, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) ("Pindaan") terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dan ia akan berkuatkuasa pada tarikh seperti yang dipilih oleh pihak Bank. Mengikut budi bicara tunggal dan mutlak pihak Bank, notifikasi berkenaan Pindaan boleh dibuat dengan salah satu cara-cara komunikasi yang berikut:-

    (i) dengan menghantar yang sama kepada Pemegang Kad secara kurier atau tangan; dan/atau

    (ii) dengan mempamerkan notis di dalam premis Bank menyatakan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan; dan/atau

    (iii) dengan cara satu penerbitan di dalam satu atau lebih suratkhabar atas pilihan Bank akan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan; dan/atau

    (iv) dengan memasukkan ke dalam penyata akaun Bank akan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan; dan/atau

    (v) dengan memberikan notis akan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan kepada Pemegang Kad secara pos biasa atau berdaftar; dan/atau

    (vi) dengan menyerahkan notis akan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan secara SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau mempamerkan notis akan Pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan pada laman web Bank.

    Komunikasi kepada Pemegang Kad melalui salah satu cara komunikasi di atas adalah dianggap telah diterima oleh atau dikomunikasikan kepada Pemegang Kad berdasarkan kepada peruntukan Klausa 13A(b) dan di mana notis Pindaan adalah dihantar kepada Pemegang Kad melalui kurier atau tangan adalah pada hari penghantaran.

    Perubahan tersebut akan terpakai pada tarikh berkuatkuasa yang ditentukan oleh pihak Bank dan akan terpakai kepada semua baki yang masih belum jelas dalam Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB. Penahanan atau penggunaan Kad selepas tarikh berkuatkuasanya apa-apa perubahan terma-terma dan syarat-syarat akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya perubahan tersebut tanpa ragu oleh Pemegang Kad.

    (b) Perjanjian ini (dengan kesemua perjanjian sampingan yang dipinda oleh pihak Bank dari masa ke semasa) mengandungi, dan dianggap sebagai penyata lengkap bagi kesemua terma-terma dan penyusunan di antara pihak-pihak berkenaan perkara yang berbangkit di sini, dan menggantikan apa-apa perjanjian terdahulu dan persefahaman di antara pihak-pihak berkenaan apa-apa perkara tersebut.

Kebolehasingan

26. Jika mana-mana peruntukan-peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan di bawah apa-apa undang-undang, maka kesahihan, kesahan dan penguatkuasaan peruntukkan-peruntukkan yang selebihnya tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara sekalipun.

Pendedahan

27. Pemegang Kad dengan nyata bersetuju dan memberikuasa kepada pihak Bank pada dan bila-bila masa menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dianggap sesuai dan perlu untuk melakukan perkara-perkara berikut yang dinyatakan di bawah ini tanpa merujuk kepada Pemegang Kad :-

    (a) untuk memberi, mengemukakan, memberitahu, menunjukkan menyiarkan atau sebaliknya mendedahkan, atau membuat rekod tentang butir-butir peribadi Pemegang Kad yang diberikan kepada pihak Bank dan apa-apa maklumat lain behubung dengan Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB dan Akaun Lain Pemegang Kad dan nombor-nombor Kad MasterCard dan/atau Kad Visa dan/atau Kad JCB yang baru diperbaharuhi atau digantikan dan apa-apa maklumat lain berhubung dengan penggunaan Kad atau apa-apa urusniaga yang dilakukan atau dilakukan melalui penggunaan Kad dan apa-apa maklumat lain atau dokumen berhubung dengan urusan atau akaun Pemegang Kad (termasuk penyata akaun berhubung dengannya) dan apa-apa kemudahan kredit lain yang dimiliki oleh Pemegang Kad dengan pihak Bank kepada:-

        (i) mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat-syarikat di dalam kumpulan Bank bersama-sama dengan syarikat-syarikat di dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan utama Bank ("Kumpulan Syarikat") samada Kumpulan Syarikat menetap, terletak, mengendalikan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia. Pendedahan kepada Kumpulan Syarikat yang terlibat di dalam promosi, penjualan, penghantaran dan pengagihan produk kewangan dan perkhidmatan adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain bank dan Kumpulan Syarikat;

        (ii) sesiapa yang telah menjamin atau mungkin menjamin atau sebaliknya telah memberi sandaran atau mungkin memberi sandaran berhubung dengan penggunaan MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB;

        (iii) mana-mana syarikat, organisasi, institusi, persatuan, biro kredit, agensi kredit, institusi kewangan atau entiti lain yang mungkin menjalankan pemeriksaan kredit atas Pemegang Kad, Unit Pusat Kredit Bank Negara Malaysia, Biro Maklumat Cek, Sistem Pusat Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) atau autoriti atau badan berkenaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana badan lain atau autoriti (kerajaan atau sebaliknya) seperti yang

dianggap sesuai oleh Bank di bawah apa-apa undang-undang berkenaan, peraturan, garis panduan, peruntukan pihak berkuasa atau arahan (samada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya);

(iv) sesiapa yang dianggap perlu oleh pihak Bank untuk tujuan menuntut balik apa-apa wang yang perlu dibayar dan masih terhutang dari Pemegang Kad kepada pihak Bank (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pemungut hutang, pekerja-pekerja dan ejen-ejen);

(v) mana-mana peniaga, mana-mana pegawai Bank dan mana-mana institusi ahli Visa dan/atau MCI dan/atau JCB dan/atau mana-mana pihak atau entiti lain yang mempunyai kepentingan yang sah terhadap Pemegang Kad sekiranya berkaitan dengan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad; dan

(vi) kepada mana-mana pihak ketiga yang membuat pertanyaan dengan tujuan memasuki suatu urusniaga yang prospektif dengan pihak Bank.

Walau apa pun yang tersebut sebelum ini, pihak Bank mengakui bahawa (1) ia tidak akan mendedahkan maklumat Pemegang Kad kepada Kumpulan Syarikat yang menetap, terletak, mengendalikan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam Malaysia untuk tujuan penjualan silang sekiranya pendedahan dibantah oleh Pemegang Kad; dan (2) ia akan mendedahkan maklumat Pemegang Kad (maklumat berkenaan urusan atau akaun Pemegang Kad dikecualikan) hanya kepada pihak ketiga, termasuk Kumpulan Syarikat yang menetap, terletak, mengendalikan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di luar Malaysia untuk tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi sahaja sekiranya Pemegang Kad secara ekspres bersetuju terhadap pendedahan tersebut.

(b) untuk membuat laporan rekod-rekod (termasuk Laporan Polis) dan/atau pekeliling-pekeliling dan/atau memasukkan iklan atau menyiarkan atau mempamerkan notis-notis (termasuk apa-apa iklan-iklan di dalam apa-apa media) mengandungi apa-apa atau kesemua butir-butir peribadi Pemegang Kad, butir-butir akaunnya berhubung dengan MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun Pemegang Kad dan kedudukan kewangannya) yang dianggap sesuai oleh Bank untuk tujuan menuntut apa-apa wang yang perlu dibayar dan masih terhutang daripada Pemegang Kad kepada pihak Bank.

(c) untuk menyemak kedudukan kredit pemohon Kad dan/atau butir-butir peribadi Pemegang Kad, urusan-urusan dan kedudukan kredit dengan mana-mana syarikat, individu, agensi, institusi kewangan atau badan lain dan untuk memperolehi daripada mereka maklumat berkenaan yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank, samada secara komunikasi lisan atau melalui dokumen.

(d) untuk mendedahkan kepada Pemegang Kad Tambahan maklumat seperti yang dirujuk di sub-perenggan (c) di atas dan apa-apa maklumat yang dianggap sesuai oleh pihak Bank berhubung dengan Akaun MasterCard, Kad Visa dan/atau Kad JCB dan Akaun Lain Pemegang Kad dan sebaliknya.

Dengan ini pihak Bank menolak sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad bagi apa-apa kerugian atau kerosakkan (secara langsung atau tidak langsung, khas atau secara akibat langsung) dalam apa-apa keadaan atau keaiban yang dialami oleh Pemegang Kad yang timbul daripada atau daripada pendedahan apa-apa maklumat atau tafsiran atau penggunaan maklumat yang didedahkan walaupun maklumat tersebut tidak tepat atau salah dan samada atau tidak ia adalah akibat kecuaian pihak Bank.

Dokumen Tambahan

28. Pemegang Kad mengakujanji untuk menandatangani dokumen-dokumen tambahan lain yang mungkin dikehendaki oleh pihak Bank dari masa ke semasa dan Pemegang Kad dengan ini berwaad dan bersetuju bahawa di atas pilihan pihak Bank dokumen tersebut mungkin dianggap berkuatkuasa secara retrospektif.

Penyampaian

29. (a) Pemegang Kad dengan ini bersetuju secara mutlak dengan penyampaian apa-apa notis di bawah Perjanjian ini atau apa-apa proses mahkamah atau penyampaian cek, deraf bank, perintah juruwang atau Kad atau apa-apa dokumen atau butiran lain, melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada alamat terakhir yang diketahui bagi Pemegang Kad di dalam rekod Bank dan penyampaian tersebut adalah berkuatkuasa dua (2) hari kalendar selepas pengeposan jika dihantar melalui pos dan pada masa penyampaian, jika dihantar melalui serahan tangan atau melalui kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan melalui apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

(b) Pemegang Kad mesti dengan segera memberitahu Bank secara bertulis berkenaan apa-apa perubahan di dalam pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) atau jika Pemegang Kad bertujuan berada di luar negeri lebih daripada tiga puluh (30) hari kalendar dalam satu turutan.

Perakuan Keterangan Muktamad

30. Perakuan yang dikeluarkan oleh seorang pegawai Bank tentang jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada pihak Bank daripada atau oleh Pemegang Kad adalah keterangan muktamad terhadap Pemegang Kad dalam apa-apa prosiding perundangan. Apa-apa penghakiman yang diperolehi oleh pihak Bank terhadap Pemegang Kad berhubung dengan keterhutangan adalah mengikat dan adalah muktamad di semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain.

Pembatalan / Penggantungan Kerana Keganasan

31. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan hak-hak dan remedi-remedi pihak Bank yang lain atau kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini, secara umumnya, pihak Bank adalah berhak menurut budi bicara mutlaknya mengisytiharkan bahawa:-

    (a) Kad akan digantung, sejurusnya yang sama akan digantung; dan/atau

    (b) Kad atau mana-mana bahagiannya akan dibatalkan, sejurusnya yang sama akan dibatalkan; dan/atau

    (c) semua atau mana-mana jumlah prinsipal, faedah dan lain-lain amaun yang terhutang di bawah Kad (samada semasa, masa depan, sebenar atau kontingen) yang terhutang dan perlu dibayar, sejurusnya amaun-amaun tersebut perlu dibayar.

    jika apa-apa kejadian atau kejadian bersiri samada berkaitan atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa tindakan ganas, keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat nasional, penentangan, revolusi, pemberontakan, perampasan kuasa atau lain-lain bencana (samada berlaku di dalam atau di luar Malaysia atau mana-mana tempat di mana Bank menjalankan perniagaan) atau apa-apa pertukaran dalam keadaan yang berlaku yang mana pada pendapat pihak Bank (pendapat tersebut adalah mutlak dan mengikat Pemegang Kad):-

    (i) boleh atau mungkin mengakibatkan keadaan menjadi tidak sesuai atau tidak praktikal untuk pihak Bank membuat, membenarkan atau membiayai kemudahan Kad atau terus membuat sebegitu atau membenarkan apa-apa penggunaan atau penggunaan lanjut kemudahan Kad atau mematuhi apa-apa obligasi-obligasinya di bawah terma-terma dan syarat-syarat di sini;

    (ii) boleh atau mungkin menjejaskan kebolehan atau kerelaan Pemegang Kad untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana obligasi-obligasinya di bawah terma-terma dan syarat-syarat di sini atau menjadikannya sukar untuk Pemegang Kad mematuhi atau rela untuk berbuat demikian.

Akaun Digantung

32. Bagi membolehkan pihak Bank terus mengekalkan kesempurnaan, liabiliti mana-mana pihak termasuk Pemegang Kad sebaik sahaja writ saman atau writ-writ saman dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrapan atau ketaksolvenan Pemegang Kad atau bagi sebab-sebab lain seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan daripada masa ke semasa menempatkan dan/atau dan menyimpan bagi tempoh yang dianggap wajar oleh pihak Bank apa-apa wang yang diterima, dituntutbalik atau diperolehi menurut Perjanjian ini atau di bawah mana-mana sandaran atau jaminan yang dikreditkan bagi Pemegang Kad seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank tanpa obligasi terus bagi pihak Bank untuk menggunapakai perkara tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank.

Pelantikan Ejen

33. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan hak-hak pihak Bank di bawah Perjanjian ini, pihak Bank selepas memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya, untuk melantik ejen pilihannya bagi memungut semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada pihak Bank daripada Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini.

Pengganti

34. Perjanjian ini mengikat waris-waris, wakil-wakil diri dan pengganti hak milik Pemegang Kad serta pengganti dan penerima serah hak pihak Bank.

Penyusunan Semula Bank

35. Obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti Pemegang Kad akan tetap sah dan mengikat untuk apa jua tujuan walaupun apa-apa penyatuan, penyusunan semula atau selainnya mungkin dibuat kepada susunatur pihak Bank atau kepada syarikat yang mana pada masa itu mungkin menjalankan perniagaan pihak Bank dan boleh digunakan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan tersebut pada masa itu.

Masa Merupakan Perkara Mustahak

36. Masa di mana jua disebutkan merupakan perkara mustahak di dalam Perjanjian ini.

Undang-Undang yang Terpakai dan Bidang Kuasa

37. Perjanjian ini akan dianggap sebagai kontrak di bawah undang-undang Malaysia dan akan untuk semua tujuan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di dalam Perjanjian ini bersetuju untuk menyerah kepada bidangkuasa tidak khusus Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur atau mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten yang lain seperti yang di pilih oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengemukakan dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian apa-apa proses perundangan mungkin dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini. Pemegang Kad, mengetepikan sebarang bantahan atas sebab tempat atau “forum non-conveniens”.

Penyingkiran Tanggungan

38. Pihak Bank tidak bertanggungan kepada Pemegang Kad untuk apa-apa kerugian (termasuk kerugian faedah, perbelanjaan yang ditanggung, kehilangan kontrak atau keuntungan atau apa-apa kerugian yang berkaitan, samada secara terus atau tidak) yang ditanggung dalam apa jua keadaan (samada disebabkan oleh kecuaian pihak Bank (melampau atau sebaliknya), atau ketinggalan atau lain-lain kemungkiran) berkaitan dengan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada gantirugi atau kerugian yang ditanggung berkaitan apa-apa penyata, representasi, atau implikasi berkenaan atau timbul daripada apa-apa ketidakpembaharuan atau pembatalan Kad atau apa-apa pembatalan, atau penggantungan atau sekatan bagi penggunaan Kad oleh Pemegang Kad.

Penerbitan Perjanjian ini pada Laman Web Bank

39. Sesalinan Perjanjian ini adalah diterbitkan pada laman web kami www.cimbbank.com.my (atau laman web lain yang mana pihak Bank boleh menukar dari masa ke semasa dengan notifikasi kepada Pemegang Kad). Sekiranya pihak Bank menukar atau mengubah mana-mana terma di dalam Perjanjian ini, perubahan dan versi terkini akan diterbitkan pada laman web Bank tersebut.

40. Sekiranya apa-apa aduan berkenaan Perjanjian ini, Pemegang Kad boleh menghubungi "Bank's Customer Resolution Department" ("CRU") yang mempunyai alamat, alamat e-mel, nombor-nombor telefon dan faksimili seperti berikut (atau mempunyai alamat, alamat e-mel, nombor-nombor telefon dan faksimili yang lain di mana Bank boleh menukar melalui notifikasi kepada Pemegang Kad):-

Customer Resolution Department
Level 17, Menara Bumiputera Commerce
No. 11, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 603-2619 2380
Faks: 603-2691 3248
Alamat e-mel: CRU@cimb.com

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT "CIMB ENRICH MASTERCARD CO-BRAND CARD PLAN".

1. "CIMB Enrich MasterCard Co-Brand Plan" (selepas ini dikenali sebagai "Co-Brand Card Plan") yang ditawarkan oleh CIMB BANK BERHAD [13491-P] (selepas ini dikenali sebagai "CIMB") dengan usaha sama Malaysian Airline System Berhad (selepas ini dikenali sebagai "MAS") akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini.

2. Untuk setiap transaksi pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana peniaga, Pemegang Kad "Co-Brand" (selepas ini dikenali sebagai "Pemegang Kad") akan memperolehi "Enrich Miles" yang akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad tersebut dengan MAS.

3. Di samping "Enrich Miles" yang diperolehi menerusi setiap transaksi, peniaga-peniaga terpilih (selepas ini dikenali sebagai "CIMB Enrich Partners") akan menawarkan kepada Pemegang Kad, diskaun ke atas harga barangan dan/atau perkhidmatan di mana diskaun akan ditukarkan kepada "Enrich Miles" dan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad tersebut dengan MAS.

4. "Enrich Miles" yang dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad dengan MAS hanya boleh digunakan untuk penebusan dibawah program Enrich yang tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh MAS.

5. Jumlah "Enrich Miles" yang terkumpul atau diskaun yang diberikan untuk setiap transaksi akan ditentukan oleh CIMB Enrich Partners masing-masing dan mungkin berbeza diantara para CIMB Enrich Partners. Ia mungkin juga berbeza diantara cawangan-cawangan/jabatan-jabatan CIMB Enrich Partner tersebut. "Enrich Miles" yang diperolehi adalah pada kadar yang ditetapkan oleh CIMB, diatas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak dari masa ke semasa dan CIMB menyimpan hak untuk mengubah kadar tersebut pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad. CIMB akan mengunakan usahanya yang terbaik untuk memastikan bahawa "Enrich Miles" dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad dengan MAS pada penghujung setiap bulan yang menyusuli tarikh penyata berkenaan Kad "Co-Brand". Walaubagaimanapun, CIMB berhak diatas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak mengubah tarikh dan kekerapan "Enrich Miles" dikreditkan.

6. CIMB menyimpan haknya atas budi bicaranya yang mutlak pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, menggantungkan untuk tempoh yang tidak ditetapkan,

membatalkan dan/atau menamatkan “Co-Brand Card Plan” setelah memberikan notis terdahulu yang mencukupi. Tanpa menghadkan aplikasi peruntukan-peruntukan diatas secara amnya, CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas penggantungan, pembatalan atau penamatan “Co-Brand Card Plan” atau apa-apa faedah hasil daripadanya sekiranya MAS atau mana-mana “CIMB Enrich Partner” yang berkenaan menarik balik atau membatalkan apa-apa faedah atau tawaran yang diberikan dibawah “Co-Brand Card Plan”. Semasa promosi istimewa atau semasa promosi jualan, MAS dan CIMB Enrich Partners yang berkenaan menyimpan haknya, tanpa perlu memberi notis terdahulu kepada Pemegang Kad, menggantungkan semua atau mana-mana bahagian faedah yang sedia ada dibawah Kad “Co-Brand”.

7. Penebusan berkenaan “Enrich Miles” atau jika adanya apa-apa pertanyaan atau pertikaian mengenai akaun Enrich Pemegang Kad dengan MAS, Pemegang Kad berkenaan dikehendaki menghubungi MAS atau berurusan secara terus dengan MAS mengenai perkara berkenaan.

8. Jika berlakunya sebarang pertanyaan atau pertikaian berkaitan dengan atau berhubung dengan Kad “Co-Brand”, Pemegang Kad berkenaan dikehendaki menghubungi atau berurusan secara terus dengan CIMB mengenai perkara berkenaan.

9. Jika Kad “Co-Brand” Pemegang Kad ditamatkan, Pemegang Kad tersebut tidak akan layak memperolehi “Enrich Miles” ke atas transaksi-transaksi yang menggunakan Kad “Co-Brand” tersebut yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad tersebut dengan MAS dan “Enrich Miles” tersebut yang diperolehi akan dibatalkan. Jika Kad “Co-Brand” Pemegang Kad atau akaun berkenaan kad tersebut digantung, “Enrich Miles” yang diperolehi melalui transaksi-transaksi yang menggunakan Kad “Co-Brand” tersebut yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad tersebut dengan MAS, tidak akan dikreditkan, ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad dengan MAS tetapi akan terus terkumpul dan hanya akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad tersebut selepas akaun tersebut tidak lagi digantung.

10. “Enrich Miles” yang diperolehi tidak boleh digunakan untuk penebusan hadiah, pelepasan daripada bayaran yuran tahunan atau dipindah ke akaun kad am yang lain. “Enrich Miles” tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh dipindahmilik atau ditukar ganti untuk wang ringgit.

11. “Enrich Miles” yang diperolehi oleh Pemegang Kad “Co-Brand” tambahan akan dipindahkan kepada akaun Pemegang Kad “Co-Brand” utama dan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad utama dengan MAS.

12. Berkenaan dengan transaksi internet, Kad “Co-Brand” hanya boleh digunakan untuk transaksi internet pada laman web MAS sahaja. Untuk transaksi internet yang lain, Pemegang Kad dikehendaki terdahulunya mendaftar untuk menggunakan perkhidmatan MasterCard® SecureCode™ berdasarkan terma-tema dan syarat-syarat pada Perjanjian Pemegang Kad CIMB.

13. Jika sebarang transaksi pada Kad “Co-Brand” perlu dibalikkan atau dibatalkan, yang akan diputuskan atas budi bicara tunggal CIMB tanpa sebarang tanggungjawab ke atas CIMB, CIMB menyimpan haknya diatas budi bicaranya yang mutlak samada:-

    (a) meminta MAS mendebitkan akaun Enrich Pemegang Kad berkenaan dengan jumlah “Enrich Miles” yang diperolehi daripada transaksi yang perlu dibalikkan atau dibatalkan itu; atau

    (b) mendebitkan akaun Kad “Co-Brand” Pemegang Kad berkenaan dengan kadar RM0.10 untuk setiap “Enrich Mile” yang diperolehi daripada transaksi yang perlu dibalikkan atau dibatalkan itu, atau pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh CIMB dari masa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

14. Pemegang Kad mengakui bahawa jika program Enrich dibatalkan, digantungkan dan/atau ditamatkan atau diubah dengan apa-apa cara yang merugikan CIMB atau Pemegang Kad, CIMB layak meminta pengembalian wang ringgit yang sama nilai dengan jumlah “Enrich Miles” yang belum ditebus (pada kadar “Enrich Miles” tersebut dibeli oleh CIMB daripada MAS) yang terkredit pada akaun Enrich Pemegang Kad dan Pemegang Kad dianggap telah memberi kuasa kepada MAS untuk memotong “Enrich Miles” berkenaan yang terkredit pada akaun Enrich Pemegang Kad untuk membolehkan MAS membuat pengembalian tersebut kepada CIMB. Berkenaan dengan “Enrich Miles” yang ditolak daripada akaun Enrich Pemegang Kad, CIMB tidak bertanggungjawab untuk mengembalikan sebarang wang ringgit kepada Pemegang Kad tetapi CIMB mungkin (tetapi tidak diwajibkan) diatas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak, memberi Pemegang Kad mata bonus yang berkaitan dengan program kesetian lain yang diwujudkan atau ditentukan oleh CIMB dari masa ke semasa.

15. Transaksi menerusi Kad “Co-Brand” dan kadar penukarannya kepada “Enrich Miles” akan dipaparkan di dalam penyata berkala yang dikeluarkan oleh CIMB kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini secara nyata berwaad dan mengakujanji dengan CIMB bahawa ia adalah merupakan kewajipan Pemegang Kad tersebut untuk melaporkan kepada CIMB secara bertulis dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh CIMB pada Perjanjian Pemegang Kad CIMB mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan sebagaimanapun yang terpapar pada penyata berkala berkenaan,

terutamanya berkenaan dengan transaksi-transaksi mengenai "Enrich Miles" yang diperolehi. Jikalau Pemegang Kad tidak dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB memberitahu CIMB mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan, maka Pemegang Kad dianggap telah menerima keseluruhan rekod yang dinyatakan pada penyata tersebut sebagai benar dan merupakan keterangan muktamad dan konklusif mengenai fakta yang terkandung didalamnya dan penyata tesebut akan dianggap sebagai mengikat terhadap Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan dihalang daripada membuat tuntutan terhadap CIMB dengan mendakwa bahawa penyata tersebut mempunyai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

16. Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini akan terpakai pada dan ditafsir bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidaktepatan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB, terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukan oleh "Co-Brand Card Plan" ini akan diberi keutamaan setakat aplikasinya kepada "Co-Brand Card Plan".

17. Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung disini akan mengatasi apa-apa representasi-representasi lain yang terkandung di dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan yang diterbitkan atau dikeluarkan berkenaan dengan Kad "Co-Brand".

18. Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut kepada undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

19. CIMB menyimpan haknya dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi untuk mengubah (samada dengan menambah, membatalkan, mengubah, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) (selepas ini dikenali sebagai "Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan disini. Notifikasi kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan akan dilaksanakan atas budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu cara komunikasi, iaitu dengan pos biasa kepada alamat terakhir yang diketahui oleh Pemegang Kad atau dengan mengeposkan notis berkenaan Pindaan ke setiap satu cawangan CIMB atau dengan pengiklanan berkenaan Pindaan dalam satu suratkhabar pilihan CIMB atau melalui laman web CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat atas Pemegang Kad dari tarikh notifikasi Pindaan atau pada tarikh lain yang boleh dispesifikasikan oleh CIMB di dalam notifikasi.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BERKENAAN REBAT DAN FAEDAH YANG DISEDIAKAN DIBAWAH KAD MASTERCARD DWI-JENAMA CIMB PETRONAS.

1. Faedah-faedah yang disediakan dibawah Kad MasterCard Dwi-Jenama CIMB PETRONAS (selepas ini dirujuk sebagai "Kad Dwi-Jenama") yang ditawarkan oleh CIMB BANK BERHAD (No. Syarikat: 13491-P) (selepas ini dirujuk sebagai "CIMB") dalam usaha bersama dengan PETRONAS DAGANGAN BERHAD (No. Syarikat: 88222-D) (selepas ini dirujuk sebagai "PDB") akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

2. Untuk setiap transaksi pembayaran pembelian barangan dan/atau perkhidmatan di stesen perkhidmatan petrol PDB (selepas ini dirujuk sebagai "Kedai PDB") Pemegang Kad Dwi-Jenama (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Kad") akan layak menerima Rebat sebanyak 2% (selepas ini dirujuk sebagai "Rebat"). Pemegang Kad hanya akan layak menerima Rebat untuk pembelian dengan menggunakan Kad Dwi-Jenama yang dilalukan menerusi sistem CIMB (iaitu di mana CIMB merupakan penerima dan di mana CIMB dihubungi untuk setiap permintaan pengesahan berkenaan transaksi kad sedemikian dengan CIMB yang memberi kelulusan atau penolakan suatu kad kredit). Rebat tersebut akan tertakluk kepada had berjumlah RM50.00 setiap penyata bulanan untuk setiap Kad Dwi-Jenama. Kedua-dua Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan akan layak menerima Rebat tersebut tertakluk kepada had RM50.00 setiap penyata bulanan, masing-masing.

3. Untuk kesemua transaksi bayaran pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana pedagang lain yang turut serta (kecuali dan melainkan kedai stesen petrol lain) Pemegang Kad akan layak menerima Rebat sebanyak 0.5%. CIMB walaubagaimanapun menyimpan haknya untuk mengubah kadar atau had **kesemua** Rebat pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa, dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

4. Kesemua Rebat akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemegang Kad pada bulan transaksi bayaran pembelian berkenaan ditunjukkan pada penyata Kad Dwi-Jenama yang dikeluarkan oleh CIMB. Rebat untuk semua transaksi bayaran pembelian yang dilakukan pada tarikh penyata Kad Dwi-Jenama dikeluarkan akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemegang Kad pada bulan berikutan penyata Kad Dwi-Jenama yang menunjukkan transaksi berkenaan. CIMB boleh walaubagaimanapun mengubah tarikh dan kekerapan Rebat dikreditkan atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak. Sekiranya sebarang transaksi dipertikaikan atau penipuan disyaki, Rebat yang diperolehi untuk transaksi sedemikian mungkin akan dipulangkan atau dibatalkan oleh CIMB pada budi bicara tunggal dan mutlaknya.

5. Kesemua Rebat yang diberikan kepada Pemegang Kad adalah sebagai ganti kepada mata bonus dan/atau ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan Kad Dwi-Jenama kecuali secara ekspres dinyatakan sebaliknya.

6. CIMB menyimpan hak dan budi bicara mutlak untuk pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad menggantung untuk suatu jangkamasa yang ditetapkan atau tidak ditetapkan, membatalkan dan/atau menamatkan Rebat tersebut atau faedah lain yang disediakan dibawah Kad Dwi-Jenama dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi. Tanpa menghadkan sifat umum peruntukan-peruntukan sebelum ini CIMB tidak akan bertanggungjawab berkenaan penggantungan, pembatalan atau penamatan Rebat yang diberikan atau sebarang faedah yang disediakan dibawahnya.

7. Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini akan terpakai kepada dan ditafsirkan bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau kenyataan yang tidak konsisten diantara terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dengan yang terkandung pada Perjanjian Pemegang Kad CIMB, terma-terma dan syarat-syarat yang menentukan faedah Kad Dwi-Jenama yang dinyatakan di sini akan diberikan keutamaan sejauh mana ia terpakai pada Kad Dwi-Jenama.

8. Terma-terma dan syarat-syarat ini akan diberi keutamaan ke atas mana-mana representasi yang terkandung di dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan lain yang mengiklankan Kad Dwi-Jenama.

9. Terma-terma dan syarat-syarat pada dokumen ini akan ditentukan oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak ekslusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

10. CIMB menyimpan haknya dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi untuk mengubah (samada dengan menambah, membatalkan, mengubah, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) (selepas ini dirujuk sebagai "Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan disini. Notifikasi kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan akan dilaksanakan atas budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu cara komunikasi, iaitu dengan pos biasa kepada alamat terakhir yang diketahui oleh Pemegang Kad atau dengan mengeposkan notis berkenaan Pindaan ke setiap satu cawangan CIMB atau dengan pengiklanan berkenaan Pindaan dalam satu suratkhabar pilihan CIMB atau melalui laman web CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat atas Pemegang Kad dari tarikh notifikasi Pindaan atau pada tarikh lain yang boleh dispesifikasikan oleh CIMB di dalam notifikasi.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TOUCH 'N GO ZING

Di mana Kemudahan Touch 'n Go adalah disediakan oleh Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan samada:-

(i) digabungkan ke dalam sebarang kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad; atau

(ii) Kemudahan Touch 'n Go berkenaan disediakan dengan mengeluarkan kad-kad Zing yang berasingan bersama-sama dengan kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad, penggunaan kad kredit berkenaan dan Kad Zing yang berasingan tersebut, berhubung dengan penggunaan Kemudahan Touch 'n Go adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut:-

Definisi

"**CIMB**" bermakna CIMB BANK BERHAD [13491-P] sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 5, Bangunan CIMB, Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur dan mempunyai pejabat perniagaannya di Level 2, Menara SBB, 83 Medan Setia 1, Plaza Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur dan termasuk kesemua pengganti hakmilik dan penerima serah haknya.

"**Cip TNG**" bermakna cip yang mengandungi Kemudahan TNG serta Fungsi Tambah Nilai Automatik yang dibenamkan di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing.

"**Fungsi Tambah Nilai Automatik**" bermakna ciri-ciri dalam Kemudahan TNG secara automatik menambah nilai wang yang tersimpan di dalam Cip TNG dengan Nilai Tambahan Automatik (di laluan tol yang dikendalikan oleh Pembekal Perkhidmatan atau mana-mana lokasi lain yang ditentukan oleh TNGSB dan/atau CIMB) apabila nilai wang yang tersimpan itu jatuh di bawah paras Nilai Ambang yang Ditetapkan.

"**Kad Combi**" bermakna Kad Prinsipal yang telah digabungkan di dalamnya Cip TNG.

"**Kad Prinsipal**" bermakna mana-mana Kad MasterCard atau Kad Visa atau Kad JCB atau jenama kad kredit yang lain, yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Prinsipal menurut kepada Perjanjian Pemegang Kad dan termasuk Kad Combi.

"**Kemudahan TNG**" bermakna kemudahan pembayaran menggunakan dompet elektronik yang mengandungi nilai wang prabayar yang tersimpan dengan Fungsi Tambah Nilai Automatik di dalam Cip TNG yang terdapat di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing.

"**Kad Zing**" bermakna kad dengan nama "Kad Touch 'n Go Zing" yang mengandungi Cip TNG yang mempunyai Fungsi Tambah Nilai Automatik atau sebarang cara tambah nilai yang lain, untuk membolehkan akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal yang berkaitan didebitkan dengan amaun yang setara dengan Nilai Tambahan Automatik.

"**Nilai Ambang Yang Ditetapkan**" bermakna nilai minima RM50.00 (atau nilai lain yang TNGSB akan tentukan dari masa ke semasa).

"**Nilai Baki Yang Tidak Digunakan**" bermakna nilai wang yang tersimpan yang tidak digunakan di dalam Cip TNG yang dibenamkan di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing.

"**Nilai Tambahan Automatik**" bermakna jumlah RM100.00, RM200.00 atau RM300.00 yang boleh dipilih oleh Pemegang Kad atau nilai-nilai lain yang mungkin ditukar dari masa ke semasa oleh TNGSB dan CIMB, di mana nilai tersebut akan ditambah kepada Cip TNG untuk Kad Combi dan/atau Kad Zing apabila nilai wang yang tersimpan di dalam Cip TNG untuk Kad Combi dan/atau Kad Zing jatuh di bawah paras Nilai Ambang yang Ditetapkan.

"**Pembekal Perkhidmatan**" bermakna pihak atau pihak-pihak yang telah memasuki perjanjian dengan TNGSB di mana mereka akan menerima Touch 'n Go sebagai satu cara pembayaran, sebagai ganti kepada peruntukan untuk bekalan barangan dan/atau perkhidmatan;

"**Pemegang Kad**" bermakna seseorang yang berdaftar sebagai Pemegang Kad Prinsipal, Kad Combi dan/atau Kad Zing.

"**Perjanjian Pemegang Kad**" bermakna perjanjian antara CIMB dan Pemegang Kad yang menentukan pengeluaran dan penggunaan Kad Prinsipal.

"**Pemegang Kad Prinsipal**" bermakna seseorang dan atas nama Pemegang Kad Prinsipal dikeluarkan dan termasuk pemegang kad tambahan.

"**Perkhidmatan Touch 'n Go**" bermakna sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh TNGSB dari masa ke semasa untuk memudahkan Pemegang Kad membuat pembayaran tol, tempat letak kereta dan sebarang caj yang lain dengan menggunakan Kemudahan TNG sebagai cara pembayaran.

"**Tidak Aktif**" apabila digunakan dalam hubungan dengan Kad Combi dan/atau Kad Zing bermakna kad yang tidak mempunyai Transaksi Kad (tambah nilai atau penggunaan) dalam tempoh 24 bulan berturut-turut.

"**TNGSB**" bermakna Touch 'n Go Sdn Bhd [No. Syarikat 406400-X] sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pejabat berdaftar di Tower 6, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, pembekal Perkhidmatan Touch 'n Go, dan termasuk pengganti hak miliknya.

Melainkan dalam konteks yang memerlukan makna berbeza, perkataan-perkataan yang tidak didefinisikan secara khusus di sini hendaklah membawa makna yang sama dengan perkataan-perkataan yang didefinisikan secara khusus di dalam Perjanjian Pemegang Kad.

Permohonan

1.1 Untuk mendapatkan Kad Combi dan/atau Kad Zing, pemohon mesti melengkapkan Borang Permohonan Kad Kredit dan/atau Borang Permohonan Kad Zing ("**Borang Permohonan**") dan menyerahkannya ke CIMB bersama-sama dokumen yang dispesifikasikan di dalam Borang Permohonan.

1.2 Penerimaan Kad Combi dan/atau Kad Zing oleh Pemegang Kad akan dikira sebagai persetujuan Pemegang Kad terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan untuk penggunaan Kad Combi dan/atau Kad Zing tersebut.

1.3 Pemegang Kad perlu memberitahu CIMB akan sebarang perubahan terhadap maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan.

1.4 Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawap sepenuhnya terhadap kesemua transaksi yang dilaksanakan di bawah Kad Combi dan/atau Kad Zing yang dikeluarkan di atas permintaan Pemegang Kad Prinsipal.

Syarat-Syarat Penggunaan

2.1 Kad Zing akan dikeluarkan dan diaktifkan untuk penggunaan sahaja sekiranya pemohon mempunyai dan mengekalkan Kad Prinsipal.

2.2 Penggunaan pertama Kad Combi dan/atau Kad Zing ini merupakan penerimaan Pemegang Kad akan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini.

2.3 TNGSB akan melunaskan semua transaksi Perkhidmatan Touch 'n Go dan akan membenarkan Tambah Nilai Automatik dimuatkan di premis agen yang mengambil bahagian dan Pembekal Perkhidmatan yang diberi kuasa oleh TNGSB, dengan syarat Kad Combi dan/atau Kad Zing adalah sah apabila dikemukakan dan Pemegang Kad dan transaksi yang berkaitan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini.

2.4 Pemegang Kad berhak untuk menggunakan nilai yang tersimpan di dalam Cip TNG yang terdapat pada Kad Combi dan/atau Kad Zing terhadap pembayaran perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pembekal Perkhidmatan, dengan syarat Kad Combi dan/atau Kad Zing itu sah apabila dikemukakan dan Pemegang Kad dan transaksi yang berkaitan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini.

2.5 Pemegang Kad akan bertanggungjawab terhadap penggunaan Kemudahan TNG dan mesti menggunakan Kemudahan TNG dengan menurut prosedur, arahan, garis panduan yang ditentukan oleh TNGSB dari masa ke semasa.

2.6 Pemegang Kad tidak boleh memindah,menjual, merosakkan atau mengubah Kad Combi dan/atau Kad Zing atau Cip TNG yang dibenamkan di dalamnya.

Yuran dan Caj

3.1 **Yuran Pengeluaran**

(a) Tiada yuran akan dicajkan oleh CIMB untuk pengeluaran Kad Combi dan/atau Kad Zing pada masa kini.

(b) Tanpa mengambil kira perkara yang telah tersebut sebelum ini, CIMB menyimpan haknya untuk mengenakan yuran pengeluaran untuk setiap dan semua pengeluaran Kad Combi dan/atau Kad Zing atau untuk apa-apa penggantian Kad Combi dan/atau Kad Zing dari masa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad dan sekiranya yuran pengeluaran dikenakan, CIMB boleh mengubah yuran yang dikenakan dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

(c) Sekiranya yuran dikenakan, CIMB, dengan ini, secara nyata adalah diberi kuasa untuk mendebitkan daripada akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal yang berkaitan kesemua wang yang diperlukan untuk menyempurnakan pembayaran kesemua yuran dan caj yang kena dibayar kepada CIMB dan/atau TNGSB (termasuk yuran dan caj yang dinaikkan) tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Prinsipal atau Pemegang Kad.

Tamat Tempoh Bagi Kad

3.2 Semua Kad Combi yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada jangka hayat selama lima (5) tahun dan semua Kad Zing yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada jangka hayat selama sepuluh (10) tahun. Cip TNG pada Kad Combi dan Kad Zing yang telah tamat tempoh tidak boleh lagi digunakan dan sebarang baki nilai yang masih terkandung di dalamnya akan dibayar balik kepada Pemegang Kad sepertimana yang ditetapkan di Klausa 3.4.

Yuran Tambah Nilai Automatik Touch 'n Go

3.3 (a) Bagi setiap transaksi tambah nilai automatik yang berjaya dilaksanakan, yuran tambah nilai automatik seperti yang berikut akan dikenakan oleh TNGSB dan akan didebitkan ke akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal dengan CIMB:-

RM1.50 untuk setiap tambah nilai automatik sebanyak RM100;

RM2.00 untuk setiap tambah nilai automatik sebanyak RM200; dan

RM3.00 untuk setiap tambah nilai automatik sebanyak RM300.

Berkenaan Kad Combi dan kad CIMB Touch n' Go Visa (iaitu kad dwi-jenama di antara TNGSB dan CIMB), tiada yuran tambah nilai akan dikenakan. Denominasi tambah nilai automatik akan ditetapkan pada waktu permohonan Kad Combi dan/atau Kad Zing dan sebarang permintaan untuk pertukaran denominasi tambah nilai automatik memerlukan penyerahan Kad Combi dan/atau Kad Zing sebagai pertukaran kepada Kad Combi dan/atau Kad Zing gantian, mengikut mana yang berkenaan yang mengandungi denominasi tambah nilai automatik yang telah ditukarkan.

(b) TNGSB dan CIMB menyimpan hak untuk mengubah kaedah tambah nilai automatik dan yuran tambah nilai automatik yang perlu dibayar dari masa ke semasa dan mengenakan yuran tambah nilai automatik di mana sebelumnya tidak dikenakan dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi berkenaan perubahan atau pelaksanaan kepada Pemegang Kad Prinsipal.

Yuran Pemprosesan untuk Bayaran Balik Baki Nilai Yang Tidak Digunakan

3.4 Bayaran Balik Baki Nilai Yang Tidak Digunakan boleh dibuat oleh TNGSB kepada Pemegang Kad Prinsipal, sentiasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) CIMB menerima permintaan untuk bayaran balik daripada Pemegang Kad melalui faks atau surat atau telefon. Dalam kes kad hilang atau dicuri sahaja, sesuatu permintaan untuk pengeluaran Kad Combi atau Kad Zing gantian boleh dianggap sebagai permintaan untuk bayaran balik Nilai Yang Tidak Digunakan dalam Kad Combi atau Kad Zing yang telah hilang atau dicuri, mengikut mana yang berkenaan;

(b) yuran pemprosesan sebanyak RM5.00 akan dikenakan oleh TNGSB bagi memproses permintaan untuk mendapatkan bayaran balik Baki Nilai Yang Tidak Digunakan. TNGSB berhak menukar yuran pemprosesan pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa;

(c) TNGSB menyimpan hak untuk mengenakan yuran penyelenggaraan sebanyak RM5.00 untuk menyelenggara Baki Nilai Yang Tidak Digunakan pada setiap enam (6) bulan dari tarikh Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing dianggap Tidak Aktif;

(d) yuran pemprosesan, penyelenggaraan dan nilai lain yang boleh dicaj kepada atau dihutang oleh Pemegang Kad kepada TNGSB akan ditolak dari Baki Nilai Yang Tidak Digunakan sebelum baki tersebut dibayar balik ke akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal;

(e) permintaan untuk bayaran balik hanya akan dilayan di dalam kes tamat tempoh, kehilangan, kecurian, pemalsuan, kerosakan atau Kad yang telah ditamatkan, tetapi tidak dalam situasi yang lain.

Penggunaan Kemudahan Tambah Nilai Automatik

4.1 TNGSB akan menambah nilai secara automatik ke dalam Cip TNG dalam Kad Zing atau Kad Combi dengan Nilai Tambahan Automatik apabila nilai wang yang tersimpan dalam Cip TNG jatuh di bawah Nilai Ambang Yang Ditetapkan.

4.2 CIMB mempunyai hak dan dengan ini adalah diberikuasa dengan nyatanya untuk mendebit akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal yang berkaitan dengan jumlah yang sama dengan Nilai Tambah Automatik semasa berlakunya sebarang transaksi tambah nilai automatik dan apa jua yuran berbayar yang lain tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Prinsipal.

4.3 Tanpa mengambilkira apa yang terkandung di dalam ini, CIMB berhak mengberhentikan Fungsi Tambah Nilai Automatik pada bila-bila masa untuk sebarang Kad Combi dan/atau Kad Zing berdasarkan apa jua alasan yang dianggap oleh mereka sebagai munasabah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kes-kes yang berkenaan dengan had kredit yang tidak mencukupi di dalam akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal atau perlakuan kredit yang tidak memuaskan oleh akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal).

4.4 Di mana Fungsi Tambah Nilai Automatik telah diberhentikan bagi Kad Combi dan/atau Kad Zing, Fungsi Tambah Nilai Automatik boleh diaktifkan semula dengan keizinan daripada CIMB, dengan syarat perkara-perkara yang menyebabkan Fungsi Tambah Nilai Automatik diberhentikan telah diselesaikan dengan TNGSB dan CIMB kepada kepuasan mereka.

4.5 Pengaktifan semula Fungsi Tambah Nilai Automatik untuk Kad Combi dan/atau Kad Zing hanya boleh dilakukan dengan cara Pemegang Kad memanggil pusat panggilan CIMB yang berkaitan untuk meminta Fungsi Tambah Nilai Automatik diaktifkan semula. Empat puluh lapan (48) jam dari waktu permintaan untuk pengaktifan semula telah dilakukan, Pemegang Kad boleh mengaktifkan semula Fungsi Tambah Nilai Automatik di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing dengan menyerahkan Kad Combi dan/atau Kad Zing di kaunter-kaunter Touch 'n Go yang terpilih dan telah ditetapkan oleh TNGSB untuk tujuan pengaktifan semula tersebut.

Pertikaian Mengenai Transaksi atau Pendebitan Yuran dan Caj

5.1 Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada peruntukan dalam Perjanjian Pemegang Kad, sebarang pertikaian oleh Pemegang Kad Prinsipal berhubung sebarang pendebitan yang dilakukan terhadap Kad Prinsipal hendaklah dilaporkan kepada CIMB dalam tempoh 14 hari dari penerimaan atau dianggap penerimaan penyata kad kredit yang berkaitan, di mana apabila Pemegang Kad Prinsipal gagal untuk berbuat sedemikian, Pemegang Kad Prinsipal akan dianggap telah menerima catatan yang terkandung di dalamnya sebagai betul dan sebagai bukti terakhir dan muktamad bagi fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dan mengikat Pemegang Kad Prinsipal.

5.2 Sebarang pertikaian oleh Pemegang Kad mengenai apa jua transaksi penggunaan yang dilaksanakan terhadap nilai tersimpan dalam Cip TNG mesti dibawa kepada perhatian TNGSB dengan serta-merta dan diselesaikan di antara Pemegang Kad dan TNGSB.

Pemberitahuan Mengenai Kecurian, Kehilangan & Penggantian Kad Zing

6.1 Setelah CIMB mendapat makluman mengenai kehilangan atau kecurian Kad Combi dan/atau Kad Zing, Kad Combi dan/atau Kad Zing boleh digantikan dengan Kad Combi dan/atau Kad Zing lain yang bernilai sifar dan tertakluk kepada tambah nilai automatik Nilai Tambah Automatik yang dipilih oleh Pemegang Kad. Baki nilai yang tidak digunakan daripada Kad Combi dan/atau Kad Zing yang telah dibatalkan, mengikut mana yang berkenaan akan dibayar balik terus ke akaun kad kredit Pemegang Kad Prinsipal yang berkaitan dengan penolakkan yuran pemprosesan yang berkenaan dan sebarang nilai yang kena dibayar kepada TNGSB.

6.2 CIMB tidak berkewajipan untuk mengeluarkan Kad Combi dan/atau Kad Zing gantian kepada Pemegang Kad berikutan Kad Combi dan/atau Kad Zing yang telah hilang atau dicuri, mengikut mana yang berkenaan.

6.3 Kesemua penggantian Kad Combi dan/atau Kad Zing mesti diberikuasa dengan nyatanya oleh Pemegang Kad Prinsipal kepada CIMB dan yuran pengeluaran (sekiranya dikenakan) akan dicajkan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Klausa 3.1

Prosedur Penamatan

7.1 Tanpa prejudis kepada Klausa 9, Kad Combi dan/atau Kad Zing adalah ditamatkan:

(a) apabila Pemegang Kad Prinsipal atau Pemegang Kad, yang mana berkenaan memaklumkan CIMB mengenai hasratnya untuk menamatkan (i) Kad Prinsipal atau (ii) Kad Combi dan/atau Kad Zing, yang mana berkenaan melalui telefon, faks atau surat; atau

(b) apabila CIMB memaklumkan TNGSB mengenai penamatan (i) Kad Prinsipal atau (ii) Kad Combi, yang mana berkenaan melalui pemindahan fail atau sebarang kaedah lain yang dipersetujui di antara CIMB dan TNGSB.

7.2 Setelah notis penamatan diberi mengikut Klausa 7.1 (a) atau (b) di atas:

(a) CIMB boleh menasihati TNGSB supaya menghentikan Fungsi Tambah Nilai Automatik di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing; dan

(b) CIMB boleh menasihati TNGSB supaya mengberhentikan Kemudahan TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing

menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dan berdasarkan kepada keadaan penamatan tersebut.

Pemegang Kad masih bertanggungjawab sepenuhnya kepada CIMB dan TNGSB terhadap semua transaksi yang sedang berlaku atau telah berlaku ke atas Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing dan Pemegang Kad Prinsipal mesti bertanggungjawab terhadap kesemua Fungsi Tambah Nilai Automatik yang dilaksanakan dan didebitkan ke akaun kad kreditnya yang berkaitan untuk tempoh 24 jam selepas CIMB memperakui penerimaan notis penamatan berkenaan.

7.3 Di mana:-

(a) Kemudahan TNG telah ditamatkan bagi sebarang Kad Combi dan/atau Kad Zing, Nilai Baki Yang Tidak Digunakan di dalam kad tersebut hendaklah dibayar balik kepada Pemegang Kad menurut Klausa 3.4; dan

(b) hanya Fungsi Tambah Nilai Automatik di dalam Kad Zing telah diberhentikan atau ditamatkan, Nilai Baki Yang Tidak Digunakan hendaklah selama mana tidak tamat tempoh atau tidak dianggap Tidak Aktif, sah untuk digunakan sehingga baki wang yang tersimpan bernilai sifar.

Transaksi Kad Yang Telah Hilang atau Dicuri

8.1 Pemegang Kad memikul tanggungjawab sendiri dan sepenuhnya ke atas sebarang penggunaan yang tidak sah ke atas Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing atau sekiranya ia telah hilang atau dicuri.

8.2 Pemegang Kad harus melaporkan kehilangan atau kecurian kad kepada Pusat Kad CIMB dengan segera bagi mengelakkan caj yang selanjutnya akibat penipuan ke atas Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing.

8.3 Selain daripada pemberitahuan segera oleh Pemegang Kad, kedua-dua pihak TNGSB dan CIMB harus diberi tempoh 24 jam dari waktu CIMB memperakui penerimaan notis daripada Pelanggan untuk menyahaktifkan Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing tersebut.

8.4 Dalam keadaan Kad Combi dan/atau Kad Zing telah hilang atau dicuri, CIMB ataupun TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap transaksi yang sedang berlaku ataupun telah berlaku sebelum laporan lengkap dibuat kepada CIMB dan dalam tempoh 24 jam selepas CIMB memperakui penerimaan laporan lengkap tersebut. Pemegang Kad akan menanggung risiko dan kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua transaksi yang sedang berlaku atau telah berlaku ke atas Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing dan Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab terhadap kesemua Fungsi Tambah Nilai

Automatik yang dilaksanakan dan didebitkan daripada akaun kad kreditnya yang berkaitan sebelum laporan lengkap dibuat kepada CIMB dan dalam tempoh 24 jam selepas CIMB memperakui penerimaan laporan lengkap tersebut.

Penamatan

9.1 Penggunaan Cip TNG di dalam Kad Combi dan/atau Kad Zing boleh ditamatkan oleh CIMB atau TNGSB berdasarkan kepada budi bicara tunggalnya sekira:

(a) Pemegang Kad tersebut tidak mematuhi sebarang terma dan syarat yang terkandung di sini atau Pemegang Kad Prinsipal tidak mematuhi sebarang terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad;

(b) Kad Combi dan/atau Kad Zing tersebut dilaporkan telah tamat tempoh, hilang atau dicuri; dipalsukan atau dirosakkan;

(c) Hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Combi dan/atau Kad Zing menjadi tidak sah sepertimana yang terkandung di dalam ini;

(d) Sistem Bayaran Elektronik TNG oleh TNGSB gagal berfungsi, telah ditukar, dipertingkatkan, dinaiktaraf ataupun telah diubahsuai;

(e) Akaun Kad Combi dan/atau Kad Zing Pemegang Kad Tidak Aktif;

(f) Kad Prinsipal telah ditamatkan atas sebarang sebab.

Pertukaran Terma dan Syarat

10. TNGSB dan CIMB menyimpan haknya dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi untuk mengubah (samada dengan menambah, membatalkan, mengubah, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) ("Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan disini. Notifikasi kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan akan dilaksanakan atas budi bicara mutlak CIMB dan TNGSB melalui salah satu cara komunikasi, iaitu dengan pos biasa kepada alamat terakhir yang diketahui oleh Pemegang Kad atau dengan mengeposkan notis berkenaan Pindaan ke setiap satu cawangan CIMB atau premis TNGSB atau dengan pengiklanan berkenaan Pindaan dalam satu suratkhabar pilihan CIMB dan TNGSB atau melalui laman web CIMB atau TNGSB atau mana-mana kaunter Touch n' Go dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat atas Pemegang Kad dari tarikh notifikasi Pindaan atau pada tarikh lain yang boleh dispesifikasikan oleh CIMB dan/atau TNGSB di dalam notifikasi.

Pendedahan

11. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan hak-hak CIMB untuk melakukan pendedahan seperti yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad, Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai Pemegang Kad kepada TNGSB, pekerja atau wakilnya bagi memudahkan penggunaan Kad Combi dan/atau Kad Zing dan/atau untuk tujuan mendapatkan kembali wang yang kena dibayar dan terhutang oleh Pemegang Kad kepada CIMB dan/atau TNGSB.

CIMB dan TNGSB Tidak Bertanggungjawab

12. Kedua-dua CIMB dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dalam sebarang cara untuk kelewatan yang berlaku atau kerugian atau kerosakan yang terjadi atau ditanggung oleh Pemegang Kad disebabkan oleh kegagalan Fungsi Tambah Nilai Automatik bagi mana-mana Kad Combi dan/atau Kad Zing atas sebarang sebab atau keengganan Pembekal Perkhidmatan untuk menerima Kad Combi dan/atau Kad Zing atau Touch 'n Go sebagai cara pembayaran untuk pertukaran kepada peruntukan barangan dan/atau perkhidmatan, walaupun kegagalan atau keengganan itu disebabkan oleh kecuaian, kecuaian melampau atau keingkaran CIMB atau TNGSB. Pemegang Kad mesti pada setiap masa memastikan mereka mempunyai kaedah alternatif untuk melaksanakan pembayaran bagi peruntukan barangan dan/atau perkhidmatan dari Pembekal Perkhidmatan.

TNGSB Bertanggungjawab Terhadap Nilai Wang Yang Tersimpan Dalam Cip TNG

13. Melainkan di mana secara ekspres dinyatakan di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, TNGSB adalah bertanggungjawab secara sendiri dan secara eksklusif bertanggungjawab kepada Pemegang Kad ke atas nilai wang yang tersimpan yang terkandung di dalam Cip TNG dan Pemegang Kad tidak boleh mempertanggungjawabkan CIMB dalam perkara yang sama.

Terma-Terma Sebagai Tambahan Kepada Perjanjian Pemegang Kad

14.1 Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini adalah sebagai tambahan kepada dan adalah tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad dan penggunaan kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB akan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pemegang Kad yang berkaitan.

14.2 Sekiranya terdapat apa-apa konflik atau percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dengan terma-terma dan syarat-syarat Pemegang Kad, keputusan CIMB dalam memutuskan terma-terma dan syarat-syarat yang mengatasi adalah terakhir dan muktamad.

14.3 Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung disini akan mengatasi apa-apa representasi-representasi lain yang terkandung di dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan yang diterbitkan atau dikeluarkan berkenaan dengan Kemudahan Touch 'n Go.

14.4 Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut kepada undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INSURANS KEMALANGAN DIRI PERJALANAN PENERBANGAN UDARA

Notis penting

Insurans ini kepada Pemegang-Pemegang Kad adalah sebagai ganjaran untuk faedah Pemegang-Pemegang Kad CIMB dan tidak dalam apa-apa cara pun dianggap sebagai mewujudkan apa-apa perhubungan undang-undang di antara CIMB Bank Berhad ("Pemegang Polisi") dan Pemegang-Pemegang Kad CIMB. Pemegang Polisi tidak akan mempunyai apa-apa liabiliti dalam mana-mana peristiwa dalam apa-apa cara atau bagaimanapun timbul. Tambahan itu, Pemegang Polisi tidak akan mempunyai apa-apa liabiliti dalam mana-mana peristiwa disebabkan apa-apa yang telah dibuat atau gagal dibuat oleh Pemegang Polisi atau mana-mana pekerja-pekerja, kakitangan-kakitangan atau ejen-ejennya berkaitan dengan atau berkenaan Polisi Induk. Pemegang Polisi juga tidak akan menerima sebarang tanggungjawab atau memberikan apa-apa jaminan berkenaan keesahan Polisi Induk atau berkaitan dengan hak-hak orang yang diinsurankan atau mana-mana orang di bawahnya. Setiap Pemegang Kad adalah dianggap telah menerima kandungan Polisi Induk dan terikat dengannya.

Mana-mana pihak yang menuntut akan mematuhi kandungan-kandungan di dalam Polisi Induk supaya tidak memprejudiskan apa-apa tuntutan di bawahnya. Mana-mana pihak menuntut tidak mempunyai apa-apa hak untuk mengambil tindakan terhadap Pemegang Polisi.

Insurans ini adalah untuk faedah Pemegang-Pemegang Kad CIMB ("Orang yang Diinsurankan") di bawah Polisi Induk oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz") kepada Pemegang Polisi, sesalinan di mana disediakan untuk rujukan di pejabat Allianz di Suite 3A-15, Level 15, Block 3A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral (Tel: 2264 1188 Faks: 2264 1199) atau di Pusat Perhubungan Pelanggan Allianz bertempat di Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, 50470 Kuala Lumpur (Tel: 2264 0700 Faks: 2264 0602 Talian Bebas: 1-300-88-1028) atau di laman web Allianz.

Risalah ini adalah ekstrak daripada dan tertakluk kepada kandungan Polisi Induk. Apa-apa perubahan, pindaan atau endorsan (termasuk pembatalan) Polisi Induk akan mengikat Pemegang Kad selepas notis mencukupi diberikan oleh Allianz.

Definisi Perkataan-Perkataan

Untuk tujuan Polisi ini:

1. Orang Diinsuranskan hendaklah bermaksud:

1.1 Di bawah Seksyen I & II – **Pemegang Kad** atau mana-mana **Ahli Keluarga** sebagaimana yang ditakrifkan di sini.

1.2 **Pemegang Kad** hendaklah bermaksud:

- Pemegang Kad yang sah, aktif dan belum tamat tempoh Kad tersebut yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi di Malaysia yang belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
- dan sesiapa sewaktu tuntutan atau kerugian yang dilindungi masih **Pemegang Kad** 'bona fide' dan Akaun Kadnya dibil dari Malaysia.
- Pemegang Kad untuk tujuan Polisi ini tidak termasuk **Pemegang Kad Tunggakan**.
- **Pemegang Kad Tunggakan** hendaklah bermaksud Pemegang-Pemegang Kad yang tidak membuat apa-apa bayaran untuk pembelian melalui kad kredit mereka dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh kena dibayar seperti yang dinyatakan dalam kenyataan akaun yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi.

1.3 **Ahli-Ahli Keluarga** hendaklah bermaksud seperti berikut:

(a) **pasangan Pemegang Kad yang berkahwin secara sah di sisi undang-undang** dan tidak berpisah atau bercerai secara sah di sisi undang-undang daripada Pemegang Kad dan belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun; dan

(b) kesemua **anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang yang bergantung kepada Pemegang Kad** dan telah mencapai umur satu (1) bulan tetapi belum mencapai umur dua puluh lima (25) tahun dan tidak bekerja dan belum berkahwin, dengan syarat bahawa kesemua anak tersebut tinggal bersama **Pemegang Kad** dan di **Negara Kediaman Pemegang Kad** tetapi keadaan ini tidak bertujuan untuk mengecualikan **anak-anak Pemegang Kad** dari belajar sepenuh masa atau sambilan.

2. **Penerbangan Berjadual** hendaklah bermaksud penerbangan melalui pesawat yang layak terbang di mana syarikat penerbangan disenaraikan dalam Panduan Penerbangan rasmi atau Panduan ABC World Airways dan **Pengangkut** udara adalah pemegang sijil, lesen atau kebenaran yang bersamaan untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di mana pesawat dioperasikan dan didaftarkan dan menurut kebenaran tersebut, mengekalkan dan menerbitkan jadual dan tarif bagi perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu biasa dan spesifik.

   Penerbangan Berjadual mestilah berterusan dan berlanjutan mengikut laluan dan pada masa seperti mana yang diterbitkan dalam Panduan ABC World Airways yang dipinda dari masa ke semasa.

   Waktu berlepas, pemindahan dan destinasi hendaklah ditunjukkan dengan merujuk kepada tiket Penerbangan Berjadual **Orang Diinsuranskan**.

3. **Pengangkutan Awam** hendaklah bermaksud mana-mana pengangkutan darat atau air, yang mempunyai lesen untuk pengangkutan penumpang tambang berbayar dan hendaklah termasuk **Penerbangan Berjadual** sebagaimana yang ditakrifkan di sini tetapi tidak termasuk mana-mana kereta yang disewa atau kereta sewa atau apa-apa pengangkutan yang dikendalikan untuk tujuan hiburan.

SEKSYEN I – KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL

Operasi Bagi Perlindungan Insurans

Luar jangkaan terhadap mana-mana insurans diberikan adalah berkenaan dengan apa-apa Kecederaan yang diterima atau kematian yang berlaku semasa perjalanan satu hala atau dua hala yang diambil oleh **Orang Diinsuranskan** di antara pelepasan dan ke destinasi pada atau selepas tarikh pembelian tiket; jika tambang penuh dan jumlah bagi perjalanan itu telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu ke kad yang diselenggarakan oleh **Pemegang Kad** dengan Pemegang Polisi di bawah keadaan-keadaan yang dinyatakan seperti berikut:

1.1 semasa menumpang sebagai penumpang tambang berbayar dan bukan sebagai juruterbang atau anak kapal, semasa menaiki atau menurun dari pesawat **Pengangkut** berjadual atau kemalangan yang diakibatkan oleh **Pengangkutan Awam**.

1.2 semasa menumpang sebagai penumpang tambang berbayar dalam **Pengangkutan Awam**, tetapi hanya

(a) dalam perjalanan langsung yang berterusan ke lapangan terbang untuk tujuan menaiki **Penerbangan Berjadual;** atau

(b) apabila di terminal lapangan terbang itu sendiri; atau

(c) apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun dari **Penerbangan Berjadual** sehingga sampai ke destinasi akhir mereka.

Jadual Faedah-Faedah

(A) Perlindungan Kemalangan Semasa Penerbangan dan Perjalanan
Sekiranya Orang Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan seperti yang dinyatakan, Allianz hendaklah membayar pampasan seperti berikut:

CIMB
Kecederaan anggota badan yang mengakibatkan sepenuhnya dan berasingan atau sebab-sebab lain dalam

	WORLD/INFINITE/ SIGNATURE/ Platinum (RM) Jumlah Kapital	Emas (RM) Jumlah Kapital	Klasik (RM) Jumlah Kapital
Kehilangan nyawa	1,000,000	500,000	200,000
Hilang kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kaki	1,000,000	500,000	200,000
Hilang sebelah tangan dan/atau sebelah kaki	1,000,000	500,000	200,000
Hilang keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata	1,000,000	500,000	200,000
Hilang keseluruhan sebelah mata	1,000,000	500,000	200,000
Hilang keseluruhan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	1,000,000	500,000	200,000

DIRECT ACCESS
Kecederaan anggota badan yang mengakibatkan sepenuhnya dan berasingan atau sebab-sebab lain dalam

	WORLD / INFINITE / Platinum (RM) Jumlah Kapital	Emas (RM) Jumlah Kapital
Kehilangan nyawa	1,000,000	750,000
Hilang kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kaki	1,000,000	750,000
Hilang sebelah tangan dan/atau sebelah kaki	1,000,000	750,000
Hilang keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata	1,000,000	750,000
Hilang keseluruhan sebelah mata	1,000,000	750,000
Hilang keseluruhan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	1,000,000	750,000

Nota: Jumlah maksimum bagi semua kerugian yang dibayar kepada mana-mana **Orang Diinsuranskan** adalah terhad sehingga 100% daripada jumlah faedah seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Faedah-Faedah.

Bagi **anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang**, jumlah faedah yang kena dibayar adalah terhad sehingga 10% daripada jumlah faedah yang kena dibayar bagi anak-anak yang bergantung kepada Pemegang Kad di bawah umur lapan belas (18) tahun. Anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang yang bergantung kepada Pemegang Kad berusia antara sembilan belas (19) hingga dua puluh lima (25) tahun adalah berhak untuk jumlah penuh faedah.

Tiada peristiwa di mana pendua kad atau kad pelbagai yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi kepada Orang Diinsuranskan yang sama mewajibkan Allianz membayar kepada Orang Diinsuranskan tersebut melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah untuk mana-mana tuntutan akibat mana-mana satu **Kemalangan** yang dilindungi oleh Seksyen ini.

Pendedahan dan Kehilangan

Apabila disebabkan oleh suatu **Kemalangan** yang dilindungi oleh Polisi ini, **Orang Diinsuranskan** tidak dapat mengelakkan daripada terdedah kepada unsur-unsur semulajadi dan akibat pendedahan tersebut, mengalami kerugian di mana faedah perlu dibayar, kerugian itu adalah dilindungi di bawah syarat-syarat Polisi ini.

Jika anggota badan **Orang Diinsuranskan** tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun dari kehilangan, penenggelaman atau kemusnahan Pengangkut itu di mana **Orang Diinsuranskan** berada dalam perjalanan sewaktu **Kemalangan** tersebut, ia akan dianggap tertakluk kepada terma-terma Polisi ini, bahawa **Orang Diinsuranskan** mengalami kehilangan nyawa akibat daripada **Kecederaan** anggota badan yang disebabkan oleh **Kemalangan** pada masa kehilangan, penenggelaman atau kemusnahan Pengangkut tersebut.

Kematian **Orang Diinsuranskan** hendaklah dibuktikan dengan Sijil Kematian Rasmi, atau dalam kes kehilangan berikutan **Kemalangan** atau kemusnahan keseluruhan **Pengangkut** oleh Mahkamah yang menganggap satu kematian.

Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat oleh **Allianz** untuk tuntutan itu, **Orang Diinsuranskan** didapati hidup, Orang Diinsuranskan hendaklah membuat bayaran balik sepenuhnya kepada Allianz.

Had Terkumpul

Liabiliti agregat maksimum Allianz adalah **RM15,000,000** untuk mana-mana satu **Kemalangan**. Sekiranya **Kemalangan** melibatkan lebih dari satu **Orang Diinsurankan** dan sekiranya had tanggung rugi adalah tidak cukup untuk membayar amaun tanggung rugi sepenuhnya untuk setiap **Orang Diinsurankan**, amaun yang perlu dibayar untuk setiap **Orang Diinsurankan** akan di proratakan.

SEKSYEN II – FAEDAH KESULITAN SEMASA PENERBANGAN

Operasi Bagi Perlindungan Insurans

1. Perlindungan insurans bagi **Orang Diinsuranskan** hendaklah beroperasi hanya apabila dia mengambil perjalanan semasa Tempoh Insurans dalam **Penerbangan Berjadual** sebagai

penumpang tambang berbayar dan apabila keseluruhan tambang bagi perjalanan pada **Penerbangan Berjadual** itu telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu ke kad yang diselenggarakan oleh **Pemegang Kad** dengan **Pemegang Polisi**.

Jadual Faedah-Faedah

2.1 Kelewatan Penerbangan

Jika **Orang Diinsuranskan** mengesahkan **Penerbangan Berjadual** adalah lewat dan tiada pengangkutan alternatif disediakan kepada **Orang Diinsuranskan dalam tempoh empat (4) jam dari masa berlepas yang sebenar Penerbangan Berjadual, Allianz** akan membayar ganti rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang diperlukan dan munasabah yang ditanggung untuk penginapan **Hotel** dan makanan dan minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah dengan syarat bahawa Orang Diinsuranskan berada di lapangan terbang pada masa kelewatan penerbangan itu.

CIMB

WORLD / INFINITE / SIGNATURE / Platinum	Emas	Klasik
Sehingga RM1,000	Sehingga RM500	Sehingga RM250
Had setiap keluarga RM2,000	Had setiap keluarga RM1,000	Had setiap keluarga RM500

DIRECT ACCESS

WORLD / INFINITE / SIGNATURE / Platinum	Emas
Sehingga RM1,500	Sehingga RM750
Had setiap keluarga RM3,000	Had setiap keluarga RM1,500

2.2 Terlepas Penerbangan Bersambung

Jika **Orang Diinsuranskan** mengesahkan penerbangan bersambung **Penerbangan Berjadual** berikutnya adalah terlepas dari destinasi pemindahan disebabkan ketibaan lewat masuk penerbangan masuk **Penerbangan Berjadual Orang Diinsuranskan** dan tiada pengangkutan alternatif berikutnya disediakan kepada **Orang Diinsuranskan dalam tempoh empat (4) jam dari waktu ketibaan sebenar penerbangan masuk, Allianz** akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang diperlukan dan munasabah yang ditanggung untuk penginapan **Hotel** dan makanan atau minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Faedah-Faedah** tertakluk bahawa **Orang Diinsuranskan** hendaklah berada di lapangan terbang pada masa terlepas penerbangan bersambung.

CIMB

WORLD / INFINITE / SIGNATURE / Platinum	Emas	Klasik
Sehingga RM1,000	Sehingga RM500	Sehingga RM250
Had setiap keluarga RM2,000	Had setiap keluarga RM1,000	Had setiap keluarga RM500

DIRECT ACCESS

WORLD / INFINITE / Platinum	Emas
Sehingga RM1,500	Sehingga RM750
Had setiap keluarga RM3,000	Had setiap keluarga RM1,500

2.3 Kelewatan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika bagasi penerbangan yang diiringi dan didaftar masuk oleh **Orang Diinsuranskan** tidak dihantar kepadanya dalam tempoh enam (6) jam dari waktu ketibaan sebenar **Orang Diinsuranskan** itu di destinasi luar negara yang dijadualkan menurut **Penerbangan Berjadual**, **Allianz** akan menanggung rugi perbelanjaan sebenar tambahan yang diperlukan dan munasabah yang ditanggung pada destinasi **luar negara** dijadualkan untuk pembelian kecemasan penggunaan pakaian dan kelengkapan mandian sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Faedah-Faedah**, tertakluk bahawa bagasi tersebut telah didaftar masuk oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengangkut udara di mana **Orang Diinsuranskan** adalah di dalam perjalanan pada masa berlakunya kejadian tersebut.

CIMB

WORLD / INFINITE / SIGNATURE / Platinum	Emas	Klasik
Sehingga RM1,000	Sehingga RM500	Sehingga RM250
Had setiap keluarga RM2,000	Had setiap keluarga RM1,000	Had setiap keluarga RM500

DIRECT ACCESS

WORLD / INFINITE / Platinum	Emas
Sehingga RM1,500	Sehingga RM750
Had setiap keluarga RM3,000	Had setiap keluarga RM1,500

2.4 Kehilangan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika bagasi penerbangan yang diiringi dan didaftar masuk oleh **Orang Diinsuranskan** tidak dihantar kepadanya dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari waktu ketibaan sebenar **Orang Diinsuranskan** itu di destinasi **luar negara** yang dijadualkan menurut Penerbangan Berjadual, bagasi itu akan dianggap telah kekal hilang dan Allianz akan menanggung rugi perbelanjaan sebenar tambahan yang diperlukan dan munasabah yang ditanggung dalam tempoh empat (4) hari pada destinasi Berjadual untuk pembelian kecemasan penggunaan pakaian dan kelengkapan mandian, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Faedah-Faedah**, tertakluk bahawa bagasi tersebut yang dianggap hilang telah didaftar masuk oleh pegawai yang diberi kuasa oleh **Pengangkut** udara di mana **Orang Diinsuranskan** adalah di dalam perjalanan pada masa berlakunya kejadian tersebut.

CIMB

WORLD / INFINITE / SIGNATURE / Platinum	Emas	Klasik
Sehingga RM1,000	Sehingga RM1,000	Sehingga RM250
Had setiap keluarga RM2,000	Had setiap keluarga RM2,000	Had setiap keluarga RM1,000

DIRECT ACCESS

WORLD / INFINITE / Platinum	Emas
Sehingga RM1,500	Sehingga RM1,500
Had setiap keluarga RM3,000	Had setiap keluarga RM3,000

Had Liabiliti

(a) Agregat liabiliti maximum Allianz adalah RM15,000.00 untuk mana-mana satu **Kemalangan**. Sekiranya **Kemalangan** melibatkan lebih dari satu **Orang Diinsuranskan** dan had liabiliti adalah tidak cukup untuk membayar amaun indemniti penuh untuk setiap **Orang Diinsuranskan**, oleh itu amaun yang kena dibayar untuk setiap **Orang Diinsuranskan** akan diproratakan.

(b) Orang Diinsuranskan hanya boleh membuat satu tuntutan samada untuk Kelewatan Bagasi Penerbangan atau Kehilangan Bagasi Penerbangan.

Pengecualian Am (Digunakan Kepada Seluruhan Polisi)

Polisi ini tidak melindungi apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan kecederaan, penyakit, kematian, kerosakan kepada harta, kehilangan, liabiliti, kos dan/atau perbelanjaan apa-apa jenis sebab yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung dan disebabkan oleh atau menyumbang kepada, atau yang timbul daripada yang berikut tanpa mengira apa-apa sebab atau peristiwa lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana turutan lain kepada hal perkara tuntutan itu:

1. (i) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, penentangan, revolusi, pemberontakkan, rampasan kuasa tentera atau awam; atau

   (ii) apa-apa tindakan keganasan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

   (a) penggunaan atau ancaman kuasa, keganasan dan/atau

   (b) kemudaratan atau kerosakan kepada nyawa atau harta (atau ancaman kemudaratan atau kerosakan tersebut) termasuk, tetapi tidak terhad kepada sinaran nuklear dan/atau pencemaran oleh bahan kimia dan/atau ejen biologi, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan bersamaan, nyata atau sebaliknya, dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan; atau

   (iii) apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (i) atau (ii) di atas;

   Jika Allianz mengesahkan bahawa oleh sebab pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban membuktikan sebaliknya diletakkan di atas Orang Diinsuranskan.

2. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau mana-mana HIV berkaitan termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau AIDS Berkaitan Kompleks (ARC) walaubagaimanapun disebabkan dan/atau mana-mana derivatif mutan, variasi atau rawatannya walau apa pun puncanya;

3. rusuhan atau kekacauan awam, sekat masuk atau ancaman peristiwa itu;

4. (i) pancaran pengionan daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada pembuangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;

   (ii) radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan, reaktor atau pemasangan nuklear atau komponen nuklear; dan/atau

   (iii) apa-apa senjata atom peperangan atau belahan nuklear dan/atau gabungan atau lain-lain seperti tindak balas atau kuasa radioaktif atau bahan;

5. ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;

6. apa-apa kerugian turutan kecuali yang dinyatakan dalam Polisi ini;

7. apa-apa kerugian yang disebabkan oleh pertukaran mana-mana dan tiap-tiap jenis mata wang;

8. apa-apa bayaran di mana Orang Diinsuranskan biasanya akan membuat semasa perjalanan beliau, jika tidak berlaku kesilapan;

9. perjalanan di dalam pesawat (selain daripada sebagai penumpang tambang berbayar **Penerbangan Berjadual** berlesen yang membawa penumpang);

10. membunuh diri, mencederakan diri sendiri atau secara sengaja mendedahkan kepada bahaya (selain daripada dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia);

11. Orang Diinsuranskan yang terjejas oleh dadah melainkan jika ubat diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah);

12. penyalahgunaan pelarut;

13. di bawah pengaruh alkohol atau minuman keras yang memabukkan;

14. kehamilan, bersalin atau kecacatan yang sedia ada atau kelemahan atau kecacatan mental;

15. kecederaan yang diterima semasa berkhidmat sebagai pengendali atau anak kapal atau juruterbang mana-mana pengangkutan atau perdagangan, teknikal atau aktiviti sukan yang berkaitan dengan pesawat;

16. apa-apa aktiviti-aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau urusniaga melalui Internet, Intranet, Extranet dan/atau melalui laman web Orang Diinsuranskan sendiri, laman internet, alamat web dan/atau melalui penghantaran mel elektronik atau dokumen-dokumen dengan cara elektronik;

17. (i) penyitaan, pemiliknegaraan, perampasan atau rekuisisi bagasi secara kekal atau sementara oleh mana-mana pihak berkuasa terbentuk; dan/atau

    (ii) pemusnahan bagasi di atas perintah mana-mana pihak berkuasa awam;

18. gelombang tekanan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat atau peranti udara yang bergerak pada kelajuan sonik atau supersonik; dan/atau

19. ketidaksolvenan daripada pengendali syarikat penerbangan, ejen-ejen tiket dan ejen pelancongan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana Allianz mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan dilindungi diletakkan di atas Orang Diinsuranskan.

Pengecualian Terpakai Untuk Seksyen II:

1. Seksyen II di bawah Polisi ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau perbelanjaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut:

   1.1 kelewatan, penyitaan, perampasan, pemusnahan, rekuisisi, penyimpanan atau tahanan oleh pihak Kastam atau mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Rasmi;

   1.2 kelewatan disebabkan oleh **Pengangkut** atau penjadualan semula di **Negara Kediaman** atau penangguhan pelepasan di mana-mana dalam atau di luar Negara Kediaman semasa dalam **perjalanan** jika **Orang Diinsuranskan** memilih untuk meninggalkan perjalanan;

   1.3 kegagalan Orang Diinsuranskan untuk memberitahu pihak berkuasa syarikat penerbangan yang berkaitan berkenaan kehilangan bagasi di destinasi yang dijadualkan dan untuk mendapatkan Laporan Ketidakteraturan Harta;

   1.4 kegagalan untuk mendapatkan pasport, Visa dan/atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain;

   1.5 kegagalan **Orang Diinsuranskan** untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi, menyelamatkan atau mendapatkan semula bagasi yang hilang;

   1.6 kegagalan untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada **Orang Diinsuranskan**;

   1.7 sebarang pembelian yang dibuat selepas pengumpulan bagasi penerbangan kelewatan oleh Pengangkut di bawah Seksyen II, Klausa 2.3; dan/atau

   1.8 kerugian atau kelewatan yang mana **Orang Diinsuranskan** telah menerima penggantian atau pampasan daripada **Pengangkut** atau mana-mana pihak lain.

Syarat Tuntutan

1. **Notis Tuntutan**

   Semua notis tuntutan bertulis perlu diberikan kepada

   Bahagian Tuntutan
   Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
   Suite 3B-8, Level 8
   Jalan Stesen Sentral 5
   Kuala Lumpur Sentral
   50470 Kuala Lumpur

   dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya apa-apa kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini atau dengan seberapa munasabah segera yang mungkin selepas itu. Notis bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak Orang Diinsuranskan kepada Allianz dengan maklumat yang mencukupi untuk mengenal pasti Orang Diinsuranskan hendaklah disifatkan sebagai notis kepada Allianz.

2. **Syarat Terdahulu**

   Bayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma-terma dan syarat-syarat oleh Orang Diinsuranskan dan/atau Pemegang Polisi, setakat mana yang ia terpakai kepada Orang Diinsuranskan dan/atau Pemegang Polisi.

3. **Dokumen**

   Semua sijil-sijil, maklumat dan bukti hendaklah disediakan atas perbelanjaan Orang Diinsuranskan atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut yang lain dalam bentuk dan sifat yang dikehendaki. Sekiranya berlaku kematian **Orang Diinsuranskan**, **Allianz** hendaklah perlu melihat sijil kematian dan mungkin memerlukan suatu pemeriksaan post-mortem di atas perbelanjaan Allianz.

   Di mana Allianz telah mengemukakan kepada pihak menuntut dengan borang untuk memfailkan bukti kerugian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari notis pihak menuntut, bukti bertulis kerugian mestilah diberikan kepada Allianz dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kerugian. Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian tidak boleh mentaksahkan atau mengurangkan apa-apa tuntutan jika ianya tidak munasabah untuk memberikan bukti dalam tempoh masa tersebut, dengan syarat bukti sedemikian diberikan pada perbelanjaan pihak yang menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan ciri-ciri seperti yang ditetapkan oleh Allianz.

   Maklumat / bukti tuntutan berikut mesti disediakan:

   (a) Salinan Kad Pengenalan/Pasport Orang Diinsuranskan;

   (b) Salinan Kad Kredit Orang Diinsuranskan;

   (c) Salinan-salinan rekod borang caj yang mengesahkan bahawa tambang penuh tiket penerbangan dicajkan kepada Kad yang dikeluarkan oleh Pemegang Polisi kepada Orang Diinsuranskan;

   (d) Salinan-salinan rekod borang caj yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dilakukan yang mana tuntutan dibuat;

   (e) Untuk bagasi yang hilang atau lewat, satu salinan Laporan Ketidakteraturan Harta yang ditandatangani dan bertarikh dari pihak berkuasa syarikat penerbangan yang berkaitan;

   (f) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan atau agen berlesen mereka untuk penerbangan pelepasan yang lewat/ pembatalan penerbangan/tidak dibenarkan menaiki pesawat penerbangan, dan jumlah masa kelewatan dan tarikh/masa penerbangan yang sedia ada;

   (g) Salinan-salinan tiket penerbangan dan pas menaiki pesawat; dan

   (h) Butiran lengkap perbelanjaan yang mana pembayaran balik dituntut.

4. **Pemeriksaan Perubatan**

   Sekiranya berlaku kecederaan, **Orang Diinsuranskan** hendaklah menggunakan perkhidmatan seorang pengamal perubatan berdaftar (yang berkelayakan dan berlesen untuk menjalankan amalan perubatan barat) dan **Orang Diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana perubatan yang dianggap perlu oleh seorang pengamal rawatan. **Orang Diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut yang diperlukan oleh **Allianz** di atas perbelanjaan Allianz.

5. <u>Salah Nyataan atau Penipuan</u>

   Jika apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini yang mana-mana berkenaan adalah penipuan atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Diinsuranskan** atau mana-mana yang bertindak bagi pihak **Pemegang Polisi** atau **Orang Diinsuranskan** untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Polisi ini, Allianz tidak mempunyai liabiliti berkenaan dengan tuntutan itu.

6. Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam Mata Wang Malaysia.

7. Pembayaran tuntutan hendaklah dibuat oleh Allianz sahaja selepas bukti kerugian yang mencukupi untuk menyokong tuntutan itu telah diterima dan apabila jumlah kerugian telah ditentukan dan dipersetujui.

Pembayaran Tuntutan

Pembayaran apa-apa tuntutan oleh Allianz hendaklah dibuat terus kepada "CIMB Bank Berhad – Direct Banking & Cards" untuk faedah-faedah di bawah Seksyen I manakala pembayaran tuntutan untuk faedah-faedah di bawah Seksyen II, hendaklah dibuat terus kepada Pemegang Kad.

Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi ini kepada **Pemegang Kad** atau harta pusakanya, akan dibuat selepas menolak amaun yang kena dibayar kepada **Pemegang Polisi** dan apa-apa amaun yang kena dibayar hendaklah disahkan secara bertulis oleh **Pemegang Polisi** kepada Allianz.

Pengesahan penerimaan bayaran tuntutan oleh **Pemegang Kad** atau harta pusakanya dan/atau **Pemegang Polisi** mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai penyelesaian penuh dan muktamad dan penunaian berkesan dan pelepasan penuh liabiliti Allianz.

Tiada tuntutan hendaklah kena dibayar bagi apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang dibayar balik oleh atau dikembalikan dari syarikat penerbangan atau mana-mana pihak lain.

Penamatan Insurans

Insurans **Orang Diinsuranskan** hendaklah ditamatkan sekiranya salah satu daripada berikut:

(a) **Orang Diinsuranskan** meninggal dunia; atau

(b) **Orang Diinsuranskan** tidak lagi menjadi **Pemegang Kad** Pemegang Polisi; atau

(c) **Orang Diinsuranskan** menjadi Pemegang Kad tidak aktif dan/atau **Pemegang Kad** Tunggakan; atau

(d) penamatan Polisi, yang mana lebih awal.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana Allianz mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan dilindungi hendaklah di atas Orang Diinsuranskan.